

# **BAB 2:**

# **PEMBANGUNAN**

## BAB 2:

### PEMBANGUNAN

#### 2.1 Pengenalan Kepada Konsep Asas Pembangunan

**P**ada dasarnya, pembangunan merupakan sesuatu yang semua orang idamkan dan juga merupakan suatu cara untuk mencapai kehendak dan aspirasi rakyat dalam sesebuah negara selaras dengan kemajuan tamadun manusia (Elliot 1994).

Sehingga lewat tahun 1960an, terdapat perubahan persepsi mengenai konsep pembangunan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa orang pemikir yang cuba mendefinisikan konsep pembangunan berdasarkan kepada *economic term* (Kiggundu Amin Tamala 2000). Misalnya Waseem (1965) dan Alkan (1973) menyatakan bahawa:

*"If development of human resources and change in social attitude and social relationship is brought about side by side with economic growth, then there would be economic development and only this would lead to cumulative growth.";* dan

*"Development is a process which makes people in general better off by increasing their command, purchasing power or effective demand over goods and services and by increasing the choices open to them. But the implication is, for instance, if output increases no more rapidly than the growth of population, or if the whole increase in ouput is devoted to build up the country's military strength, or putting up monumental public buildings with which to impress the population and foreign visitors, then that is not economic development."*

Bagi tahun 1970an, fahaman mengenai pembangunan masih lagi menayangkan pengaruh negara-negara kapitalis yang dianggap maju dan ruang lingkup pembangunan masih berkisar kepada masalah-masalah kemiskinan dan

pengangguran di negara-negara bekas jajahan dan seterusnya ke seluruh dunia (Wan Mohd Nor 2001). Dalam tahun-tahun 1980an dan seterusnya, fahaman-fahaman seperti pembangunan pilihan (*alternative development*) dan pembangunan lain (*another development*) telah diketengahkan. Selepas itu, fahaman mengenai pembangunan berlanjutan (*sustainable development*) pula diutarakan pada tahun 1987 bagi mengambilkira kepentingan keturunan akan datang dan juga masalah alam sekitar (M.P. Cowen dan R.W. Shenton 1996). Namun demikian, intipati daripada fahaman-fahaman baru ini tidak banyak berbeza kerana jurang kemiskinan antara yang kaya dengan yang miskin masih tidak banyak berubah, sama ada di antara negara atau di dalam negara itu sendiri.

Di samping itu, pembangunan juga dianggap sebagai “*a product of learning, not of production: learning how to use oneself and one's environment to better meet ones needs and those of others*” (Korten and Rudi 1984). Dengan lain perkataan, pembangunan adalah suatu proses pembelajaran di mana, “*one cannot learn for another, but he can help another to learn for himself. Even a government cannot develop a country, it can only help its country to develop itself*” (Korten and Rudi 1984). Dari konteks pembangunan, rakyatlah yang akan menentukan bentuk pembangunan yang mereka perlukan dalam usaha untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Di sini, penglibatan rakyat di dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar pembangunan negara amatlah penting bagi memastikan pembangunan negara adalah sejajar dengan apa yang mereka kehendaki.

Selain itu, pembangunan sahaja tidak akan bermakna sekiranya tiada usaha untuk memantau usaha-usaha pembangunan tersebut agar menepati apa yang dikehendaki oleh rakyat serta selaras dengan dasar pembangunan negara. Kiggundu Amin Tamala (2000) telah memetik kata-kata dari Yet Cho (1990) iaitu:

*"Development is a concept with dual implication of growth on the one hand and improvement on the other. Here, growth encompasses not only economic growth such as per capita GNP and gross national product (GDP), but also socio-cultural growth in which the values and aspirations of any particular group of people are further enhanced, progressing from one level of wealth and well being to a higher level. In terms of enhancement, there can be improvements in the quality of life, coupled with the quantitative indices of standard of living such as housing, water, power, telephone and car ownership."*

Seterusnya McNamara (1981) menambah,

*"Although an increase in the GNP may be a necessary condition of development, but it is not sufficient. Both, qualitative and quantitative goals of economic development must be pursued. And if only one-sided goals are achieved, then there is no development."*

Simon (1996) juga bersetuju dengan McNamara (1981) dengan menyatakan bahawa,

*"Both qualitative and quantitative aspects must be included in development and it is difficult to measure as a whole. .... Development is a long-term process, involving changes which may take a considerable period to become visible or to work through the system fully."*

Pada bulan Disember 1961, Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu telah sebulat suara menerima resolusi yang dibentuk dalam tahun 1960an sebagai "the First United Nations Development Decade" untuk memperkenalkan pembangunan ekonomi dan sosial kepada negara-negara yang belum membangun. Pada masa itu, konsep negara yang masih belum membangun telah ditafsirkan berdasarkan kepada perbezaan di antara negara yang kaya dengan yang miskin. Jika ditinjau dari makna tafsiran ini, kebanyakan para ilmuan mendapati, tiada perbezaan di antara negara yang masih belum

membangun dengan negara yang sedang membangun. Dalam hal ini, makna sebenar kepada pembangunan ialah untuk mengurangkan jurang yang wujud di antara negara-negara perindustrian dengan negara-negara yang miskin. Justeru itu, negara-negara yang masih belum membangun mahupun yang sedang membangun seharusnya meniru atau mengambil contoh kejayaan negara-negara perindustrian agar mereka dapat memajukan diri sendiri dan seterusnya membantu membangunkan negara masing-masing (Blomstrom and Hettne 1984).

Sehingga lewat tahun 1960an, kebanyakan negara-negara membangun telah dapat memenuhi sasaran ekonomi Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu purata pertumbuhan ekonomi tahunan sebanyak 5%. Walau bagaimanapun, di sebalik pertumbuhan ekonomi tersebut, negara berkenaan juga menghadapi masalah kemiskinan, kekurangan zat makanan, buta huruf, kekurangan tempat tinggal yang selesa, penyakit, pengangguran dan pertambahan penduduk yang tinggi. Ini merupakan tahap di mana berlakunya krisis pembangunan. Dengan lain perkataan, negara tersebut mencapai pertumbuhan ekonomi tetapi tanpa pembangunan. Ini kerana pembangunan mencakupi banyak perkara dan bukan hanya berkisar kepada pertumbuhan ekonomi sahaja (Kiggundu Amin Tamala 2000).

Dalam tahun 1970an, pergeseran pendapat di antara pertumbuhan ekonomi dengan pembangunan semakin berterusan sehingga Bangsa-Bangsa Bersatu mengisyiharkan tempoh tersebut sebagai "*the Second Development Decade*" dengan sasaran purata pertumbuhan ekonomi tahunan sebanyak 6% bagi semua negara membangun. Dalam hal ini, strategi pembangunan telah dikaji semula dengan memasukkan "*the Basic-Needs Concept, or Growth-With-Equity or Distribution-With-Growth.*" Di sini, "*man and his basic needs were now placed at the center of the entire development strategy.*" Di samping itu, institusi kewangan seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan Bank Pembangunan Afrika digesa agar memberikan bantuan khasnya kepada projek-projek yang

melibatkan kesihatan, populasi, pembasmian kemiskinan, pendidikan, tempat tinggal dan pengangguran (Kiggundu Amin Tamala 2000).

Semasa "*the Fourth United Nations Development Decade* (1990), persepsi mengenai pembangunan telah semakin berkembang setelah berakhirnya Perang Dingin (Cold War) di mana sistem pemerintahan komunis semakin terhakis dan seterusnya digantikan dengan "*the Western liberal democracy and free market economic system*". Ini ternyata benar khasnya bagi negara-negara blok barat di mana reformasi ekonomi di negara-negara tersebut adalah seiring dengan "*democratic reforms*" sebagaimana yang dikehendaki oleh '*the Western Donor Governments*.' Tahun 1990an juga dianggap sebagai permulaan kepada proses "*democratize development*" di mana pelbagai badan bukan kerajaan (NGOs) telah dibentuk untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam program pembangunan negara-negara membangun (Kiggundu Amin Tamala 2000).

Selain itu, dalam tahun 1998 telah berlaku krisis kewangan yang hebat yang melanda kebanyakan negara di dunia dan dalam hal ini, negara-negara di Asia tidak terkecuali dari menerima kesan darinya sehingga ada yang terpaksa meminjam wang dari International Monetary Fund (IMF) seperti di Indonesia, Thailand, Korea Selatan dan sebagainya untuk pembangunan ekonomi negara masing-masing. Pada dasarnya, krisis kewangan Asia ini telah menjadi perdebatan yang hebat khasnya mengenai keupayaan *Newly Industrialise Countries* (NICs) seperti Taiwan, Singapura, Korea Selatan dan Hong Kong di dalam memberikan persaingan kepada negara-negara membangun yang lain. Sebagaimana dikatakan:

*"The Asian financial crisis largely revealed how the state directed capitalism was defective (prone to corruption and mismanagement) and that the Western economic model had won the development debate." (Krugman 1999)*

Jomo (1998) pula memberikan penekanan bahawa,

*"The Asian financial crisis left doubt on whether resources will ever permanently flow from the traditional Western capitalist countries (center) to the developing countries (periphery). This was because of the massive outflow of capital from the region during the crisis."*

Selain itu, pembangunan tidak akan berlaku tanpa pemodenan kerana pembangunan melibatkan perubahan terhadap nilai, institusi, norma dan juga pegangan sesuatu masyarakat misalnya perubahan dari segi sistem pendidikan, sistem perundangan, perkhidmatan sosial seperti kesihatan dan kebajikan, dan sebagainya. Dengan lain perkataan, dari segi individu, pemodenan di dalam pembangunan membawa erti lebih terbuka kepada pengalaman baru, kurang bergantung kepada institusi keluarga, lebih memberikan penekanan kepada aspek sains serta kepuasan peribadi (Tiun Ling Ta 1999).

Dari perbincangan di atas, bolehlah dikatakan bahawa asas pendekatan pembangunan yang digunakan adalah merujuk kepada tujuan-tujuan pembangunan yang murni, holistik sifatnya dan mengambilkira kepentingan serta persepsi masyarakat secara amnya. Daripada asas tersebut maka terbentuklah dasar pembangunan negara yang meliputi aspek pembinaan landskap fizikal pembangunan seperti bandar dengan pola perindustrian, bandar-bandar perumahan baru, pembukaan tanah rancangan, penyusunan semula struktur ruangan bandar/desa sedia wujud dan sebagainya. Namun demikian, pemerintah juga tidak terlepas dari menerima kritikan dari pelbagai pihak. Oleh itu bagi mengelakkan kritikan, dasar-dasar pembangunan yang telah diwujudkan sepatutnya mengarah kepada pembentukan ruangan pembangunan yang ideal dari segi asas pembangunan sebagaimana yang dihasratkan.

Di samping itu, mekanisme intervensi atau campur tangan pemerintah di dalam konteks penyusunan dan perancangan ruang dalam pembangunan

kebanyakannya disalurkan melalui undang-undang, dasar, peraturan dan sebagainya. Ini dilakukan dengan mewujudkan pelbagai authority (pihak berkuasa) yang bersangkutan seperti jabatan dan kementerian. Keadaan ini secara tidak langsung membuka ruang kepada penjawat awam untuk menyalahgunakan kuasa yang diberikan dan ada yang sengaja melengah-lengahkan kelulusan sesuatu projek dengan pelbagai alasan. Tetapi semua urusan akan menjadi "segera" sekiranya mereka diberikan "imbuhan" (rasuah) yang berpatutan. Keadaan akan menjadi tidak terkawal sekiranya sistem pemantauan atau penguatkuasaan terhadap pelaksanaan dasar-dasar atau projek-projek pembangunan amat lemah. Fenomena inilah yang amat dibimbangkan oleh negara Malaysia dalam usaha untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

## **2.2 Definisi Pembangunan**

Pembangunan boleh dikatakan sebagai satu cara bagi sesebuah Kerajaan untuk mengubah kehidupan rakyatnya agar menjadi lebih baik lagi dengan mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan serta mengurangkan kadar kemiskinan baik di bandar maupun di luar bandar. Walau bagaimanapun, pembangunan yang pesat perlulah diikuti dengan pertumbuhan ekonomi yang mampan, sistematik serta menepati sepertimana yang diwawasankan sebagaimana yang dinyatakan di dalam World Bank's 1991, *World Development Report*,

*".... the end result of development are better education, higher standards of health and nutrition, less poverty, a cleaner environment, more equality of opportunity, greater individual freedom and a richer cultural life."*

Namun demikian, istilah pembangunan lazimnya digunakan di dalam pelbagai konteks tetapi maksud sebenarnya adalah kurang jelas (Tiun Ling Ta 1999). Walau bagaimanapun, Van Nieuwenhijze (1969) menganggap pembangunan sebagai satu istilah yang kompleks serta mempunyai pengertian yang berbeza

dan tidak konsisten. Pembangunan dianggap sebagai satu transformasi masyarakat secara progresif walaupun terdapat berlainan takrifan dikemukakan. Pendapat-pendapat tersebut bagaimanapun tidak merangkumi keseluruhan aspek yang dikaitkan dengan pembangunan. Tetapi Galeske (1972) pula melihat pembangunan sebagai pergerakan daripada satu peringkat kepada satu peringkat yang akan memperkayakan kehidupan manusia, mengalami kehidupan yang berbeza, lebih kaya dari aspek material dan budaya, lebih rasional dan sebagainya.

Bagi Streen (1981), pembangunan adalah dianggap sebagai satu usaha penghapusan masalah yang dihadapi dunia pada hari ini yang meliputi masalah seperti kekurangan zat makanan, penyakit, buta huruf, setinggan dan ketidaksamarataan.

McGee (1971) pula mengaitkan pembangunan dengan proses perbandaran sebagai faktor yang mempengaruhi perubahan demografi. Walau bagaimanapun, pembangunan akan menyebabkan migrasi penduduk dari luar bandar ke bandar. Di sini, proses perbandaran mempunyai hubungkait dengan perkembangan ekonomi dan berupaya mempengaruhi keseluruhan aspek hidup manusia. Akibatnya sistem kekeluargaan menjadi semakin kecil, kedudukan dan peranan agama menjadi kurang penting serta kemunculan satu struktur sosial baru di dalam masyarakat. Keluarga jenis bergabung tidak lagi menjadi keutamaan dan permintaan terhadap anak semakin menurun.

Walau bagaimanapun, dari segi ekonomi, istilah "pembangunan" secara tradisinya membawa erti kepada keupayaan ekonomi yang berkembang dan berjaya meningkatkan Kadar Keluaran Negara Kasar. Ukuran pembangunan berdasarkan kepada petunjuk ekonomi dengan menggunakan indeks kadar peningkatan per kapita adalah lebih sesuai kerana ia mengambil kira kadar pertambahan penduduk (Todaro 1989).

Tetapi harus diingat bahawa pembangunan bukan hanya bergantung kepada unsur-unsur ekonomi sahaja kerana pembangunan juga meliputi keseluruhan aspek keperluan manusia. Owens (1987) menganggap takrifan pembangunan yang hanya mementingkan aspek ekonomi tidak lebih daripada latihan di dalam Ekonomi Gunaan kerana ia tidak mengambil kira aspek lain seperti idea politik, bentuk kerajaan dan juga peranan penduduk di dalam sesuatu masyarakat. Oleh itu, pembangunan seharusnya dilihat dari pelbagai dimensi yang meliputi penyusunan dan orientasi semula keseluruhan sistem ekonomi dan sosial yang meliputi perubahan institusi, sosial dan struktur pentadbiran serta perubahan budaya dan kepercayaan.

Dalam bahasa Arab moden pula, istilah-istilah yang menayangkan makna "pembangunan" adalah *tanmiyah* yang bermaksud pertumbuhan atau pembesaran dan *taqaddum* yang bermaksud maju ke hadapan iaitu kemajuan. Jelas juga dari makna ini bahawa lawan kepada makna-makna tersebut tidak seharusnya tidak baik, sebab kadang-kadang yang baik itu tidak harus sentiasa tumbuh atau membesar apabila ianya telah sampai kepada kemuncaknya. Dalam perkembangan ekonomi, pembangunan berterusan atau berlanjutan (*sustainable development*) juga membahayakan kerana akan terpususnya bahan-bahan mentah alam yang bukan sahaja akan meningkatkan harga barang, malah akan mengakibatkan kehabisan bekalan bahan mentah bagi keturunan manusia akan datang (Wan Mohd Nor 2001)

Dari perspektif Islam, pembangunan bermaksud sesuatu yang boleh memberikan perubahan dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lebih baik. Namun demikian, pembangunan yang dicari dan yang ingin digerakkan semestinya tidak bertentangan dengan fitrah kejadian manusia itu sendiri. Sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam Surah As-Sajdah ayat 7 hingga 9 yang bermaksud:

*"Dan Allah memulakan kejadian manusia daripada tanah kemudian Dia menjadikan keturunannya dari saripati air yang hina (air mani), kemudian dia menyempurnakan kejadian manusia itu lalu meniupkan ke dalam (tubuh)nya roh (ciptaan) Nya".*

Dengan lain perkataan, pembangunan ialah usaha untuk mengubah masyarakat atau negara daripada keadaan mundur kepada maju baik dari aspek sosial, kebudayaan, politik, ekonomi mahupun psikologi. Pembangunan merupakan satu jalan bagi membolehkan manusia memperolehi keperluan-keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pekerjaan dan kesamarataaan.

Menurut *Dictionary of Geography*, Oxford University Press, pembangunan bermaksud,

*"means the use of resources to improve the standard of living of a nation; the means by which a traditional, low-technology society is changed into a modern, high-technology society, with a corresponding increase in incomes. This may be achieved through mechanization, improvements in infrastructure and financial systems, and the intensification of agriculture. This definition is based on the more obvious distinctions in living standards between developed and less developed countries, but it may be that a change to 'western' conditions is not in the best interests of a Third World nation."*

Walau bagaimanapun, *The History of Economic Thought* pula menyatakan bahawa perkataan "pembangunan" itu sebenarnya merujuk kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara yang dikatakan telah bermula awal tahun 1930an apabila pakar ekonomi mula menyedari bahawa mereka (rakyat) tidak dapat hidup dengan selesa di bawah sistem ekonomi kapitalis yang lebih mementingkan keuntungan daripada kebajikan rakyat.

Pembangunan ekonomi yang dimaksudkan di sini sebenarnya merujuk kepada pendapatan perkapita sesebuah negara (iaitu hasil dari pelaburan dan juga

simpanan kerajaan) yang digunakan untuk menjana pertumbuhan ekonomi sesebuah negara daripada sektor pertanian kepada perindustrian, sistem jalanraya yang sistematik, pelabuhan yang bertaraf dunia dan sebagainya. Ini jelas dinyatakan oleh *Rostow's Model of Growth* (W.W. Rostow 1978) di mana menurut beliau, terdapat empat peringkat pertumbuhan atau pembangunan ekonomi sesebuah negara iaitu:

#### **a. Peringkat Pertama**

Pada peringkat ini, sistem teknologinya masih lagi primitif manakala struktur sosial mereka masih lagi rigid dan berhiraki. Pengeluaran perkapita amatlah rendah dan masyarakat pada masa ini dikenali sebagai *traditional society*.

#### **b. Peringkat Kedua**

Pada peringkat ini, perubahan mula ketara apabila pelabur-pelabur mula membuat pelaburan, pertumbuhan infrastruktur mula dibangunkan dan juga terdapat peningkatan pendapatan di sektor pertanian dan perindustrian. Peringkat ini lebih dikenali sebagai "*preconditions for take-off*".

#### **c. Peringkat Ketiga**

Ini merupakan peringkat di mana "*take-off*" berlaku. Pada masa ini pelaburan dan simpanan negara semakin meningkat. Perindustrian dan perusahaan baru di dalam negara semakin berkembang manakala import semakin berkurang. Negara pada peringkat ini semakin boleh berdikari atau "*drive to maturity*".

#### **d. Peringkat Keempat**

Ini merupakan peringkat *final stage* atau "*the age of high mass consumption*". Menurut Rostow, pada tahap ini, barang pengguna semakin tinggi kepentingannya, kadar pendapatan juga meningkat dan kebajikan rakyat semakin terbela.

Pendapat Rostow di atas disokong oleh Dipendra Sinha yang menyatakan bahawa kajian mengenai pembangunan dan pertumbuhan ekonomi merupakan sub-disiplin yang penting dalam tahun 1950an dan 1960an, tetapi menurun semasa tahun 1970an dan awal 1980an. Ini disebabkan kebanyakan ahli ekonomi kurang berminat tentang pertumbuhan ekonomi dan pembangunan memandangkan pada masa itu berlakunya kemerosotan ekonomi dunia. Walau bagaimanapun, dengan adanya kajian oleh Romer (1986) dan Lucas (1988), kepentingan kajian pertumbuhan dan pembangunan ekonomi mula mendapat perhatian semula.

Sekiranya diteliti, idea asas mengenai teori pertumbuhan ekonomi ini amatlah mudah iaitu *output* bergantung kepada dua input asas iaitu modal dan buruh. Dengan modal yang banyak dan diikuti dengan penawaran buruh yang tinggi, maka dapatlah negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih baik serta mampu menyediakan pelbagai kemudahan kepada rakyat. Di samping itu, Dipendra Sinha juga menyatakan bahawa terdapat perbezaan di antara **the Old Growth Theory (OGT)** dan **the New Growth Theory (NGT)** seperti berikut:

- a. OGT boleh diungkapkan sebagai  $Y = (K, L, A)$  di mana Y, K dan L merujuk kepada keluaran negara kasar, modal, buruh dan juga perubahan teknologi (tetap). Jika diteliti, OGT tidak memberikan perbezaan yang jelas mengenai pelbagai peringkat buruh (untuk menentukan produktiviti) dan juga tidak menyentuh banyak tentang perubahan teknologi sedangkan perbezaaan di kalangan pembolehubah-pembolehubah tersebut amatlah penting di dalam menentukan tahap pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.
- b. NGT pula boleh diungkapkan sebagai  $Y = (K, L, H, A)$  di mana K merujuk kepada *physical capital* manakala H merujuk kepada *human capital*. A tidak tetap (*not constant*) dalam kes ini. Di sini, NGT memberikan penekanan yang lebih kepada peningkatan ekonomi di mana sekiranya semua input digandakan maka, kemungkinan *output* yang dihasilkan juga akan menjadi dua kali ganda.

Ringkasnya NGT adalah lebih optimistik tentang prospek pembangunan manakala OGT lebih menitikberatkan kepada mengekalkan *a steady state*.

Dalam hal lain, Andrew Sunil Rajkumar dan Vinaya Swaroop (May 2002) pula mempersoalkan tentang, "does governance affect development outcomes?" Sekiranya diteliti, sebenarnya terdapat banyak kajian telah dibuat mengenai kaitan di antara *governance indicators* dan juga *development outcomes*, dan kebanyakan kajian menunjukkan bahawa *improved or good governance leads to better development outcomes*. Kajian ini juga mengambil kira kesan rasuah ke atas pelaburan (termasuk juga *foreign direct investment*), infrastruktur sosial, pertumbuhan ekonomi dan sebagainya.

Pada keseluruhannya, pembangunan bolehlah dirujuk sebagai satu proses tindakan sosial di mana pembangunan yang dimaksudkan bukan hanya sebagai pembangunan ekonomi tetapi juga meliputi aspek bukan ekonomi. Misalnya pembangunan seharusnya meliputi aspek pendidikan, perkhidmatan kesihatan, pengangkutan, moral, nilai, kerohanian, politik dan keselamatan, berdikari, keperibadian nasional dan budaya serta mempunyai tujuan dalam kehidupan dan pekerjaan yang diceburi. Takrifan ini digunakan selaras dengan proses pembangunan negara yang bukan sahaja dari aspek kebendaan tetapi juga meliputi keseluruhan aspek sosial, keselamatan, pekerjaan dan institusi kekeluargaan. Tidak dinafikan bahawa sukar untuk mengukur perubahan sosial tetapi mungkin perubahan dari aspek nisbah boleh digunakan sebagai petunjuk kepada kemajuan walaupun konsep seperti keselamatan dan kebebasan mempunyai ukuran yang amat relatif (Tiun Ling Ta 1999).

### **2.3 Indikator/Petunjuk Pembangunan**

Pada awalnya, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan Pertambahan Dalam Pendapatan Perkapita dijadikan sebagai indikator pembangunan sebagaimana yang dikatakan oleh Chris Heymans dan Barbara Lipietz (September 1999).

Walau bagaimanapun, mereka berpendapat bahawa, pembangunan masih lagi dikatakan tidak tercapai sekiranya masih ada lagi jurang kemiskinan, pengangguran, penjajahan politik atau mental dan juga masalah-masalah sosial.

Pendek kata, pembangunan seharusnya menyeluruh dan tidak tertumpu di kawasan luar bandar sahaja memandangkan terdapat juga kemiskinan di bandar (*urban poverty*). Ini penting bagi mengurangkan jurang kemiskinan di bandar dan juga di luar bandar. Di samping itu, setiap projek perumahan hendaklah diperuntukkan kawasan untuk berekreasi ataupun taman permainan kanak-kanak, surau, masjid ataupun kuil, serta dewan perjumpaan orang ramai. Sekiranya faktor-faktor tersebut diabaikan oleh pemaju, maka berlakulah masalah-masalah sosial seperti budaya lepak, *vandalism*, penagihan dadah, jenayah pecah rumah dan sebagainya. Budaya kejiranan juga turut terjejas kerana kurangnya komunikasi sesama mereka. Ringkasnya, perlulah ada keseimbangan di dalam perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan di mana semua pihak akan mengecapi faedah darinya. Selain itu, untuk mengukur tahap pembangunan negara, faktor-faktor seperti kadar kalahiran dan kematian, tahap kesuburan, jangka hayat, tahap kesihatan penduduk, pembandaran, perindustrian, pengeluaran, pelaburan, modal dan pendapatan negara, tahap pendidikan penduduk, penggunaan tenaga dan perdagangan perlu diambilkira (Tiun Ling Ta 1998).

## **2.4 Rasional Diperlukan Pembangunan**

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, pembangunan amatlah penting bagi sesebuah negara. Dengan adanya pembangunan, maka dapatlah rakyat mengecapi kehidupan dengan lebih baik lagi. Di samping itu, pembangunan juga dijadikan sebagai kayu pengukur bagi menentukan sama ada negara tersebut sebuah negara membangun, sedang membangun ataupun masih mundur. Ini menunjukkan betapa pentingnya pembangunan kepada sesebuah negara.

Sebagaimana negara lain, negara Malaysia juga sedang mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat selaras dengan hasratnya untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Bagi Chris Heymans dan Barbara Lipietz (September 1999), terdapat tiga faktor penting mengapa diperlukan pembangunan seperti berikut:

**a. Pertumbuhan Ekonomi**

Pembangunan adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Dengan adanya pembangunan yang pesat, misalnya daripada sektor pertanian kepada perindustrian akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan serta kemasukan pelaburan asing ke sesebuah negara. Ini ternyata membawa keuntungan yang banyak kepada negara dari segi pertukaran asing, perpindahan teknologi serta dapat mengurangkan masalah sosial di dalam negara (penyediaan lebih banyak peluang pekerjaan).

**b. Membasmi Kemiskinan**

Dengan adanya pembangunan maka dapatlah diperbaiki taraf hidup rakyat dengan disediakan tempat tinggal yang selesa lengkap dengan kemudahan air bersih serta tenaga elektrik. Secara tidak langsung, ini akan mengurangkan kadar kemiskinan bukan sahaja di luar bandar tetapi juga di bandar sendiri.

**c. Persekutuan Yang Selamat**

Perancangan serta pelaksanaan pembangunan yang sistematik sepatutnya bersifat mesra alam serta mesra pengguna. Ini bermakna, setiap kawasan yang hendak dibangunkan perlu mengambilkira keperluan penduduk di situ misalnya dari segi tempat-tempat ibadat, taman-taman permainan kanak-kanak, kemudahan klinik serta kedai, kemudahan mengangkut sampah, sistem pembentungan yang baik dan sebagainya. Dengan adanya persekitaran yang sedemikian maka dapatlah dihindarkan dari masalah pencemaran air dan udara,

tempat tinggal yang sesak dan tidak tersusun seperti perumahan setinggan dan sebagainya.

Bagi Shantayanan Devarajan, Margaret J. Miller and Eric V. Swanson (April 2002) pula, apabila bercakap mengenai keperluan kepada pembangunan, maka adalah lebih baik kita merujuk kepada *Millennium Development Goals* (MDGs) yang telah diperkenalkan di Sidang Kemuncak Milenium Bangsa-Bangsa Bersatu pada bulan September 2000. Matlamat MDGs adalah jelas dan mudah difahami bagi meningkatkan lagi taraf hidup penduduk dunia menjelang 2015 sebagaimana yang ditunjukkan oleh Jadual 1 di bawah:

**Table 1: Millennium Development Goals (1990-2015)**

**1. Eradicate Extreme Poverty And Hunger**

- Halve the proportion of people with less than one dollar a day
- Halve the proportion of people who suffer from hunger

**2. Achieve Universal Primary Education**

- Ensure that boys and girls alike complete primary schooling

**3. Promote Gender Equality And Empower Women**

- Eliminate gender disparity at all levels of education

**4. Reduce Child Mortality and Improve Maternal Health**

- Reduce by two thirds the under-five mortality rate
- Reduce by three quarters the maternal mortality ratio

**5. Combat HIV/AIDS, Malaria And Other Diseases**

- Halt and reverse the spread of HIV/AIDS
- Halt and reverse the spread of malaria & tuberculosis

**6. Ensure Environmental Sustainability**

- Integrate sustainable development
- Halve the proportion of people without access to potable water
- Significantly improve the lives of at least 100 million slum dwellers

**Table 1: Millennium Development Goals (1990-2015)**

**7. Develop A Global Partnership For Development**

- Increase official development assistance especially for poverty reduction, expand market access and encourage debt sustainability.

## **2.5 Kajian-Kajian Mengenai Pembangunan**

Syed Othman Alhabshi (2002) menyatakan bahawa, Malaysia merupakan negara membangun yang termaju hari ini jika dibandingkan dengan negara dunia ketiga, negara Islam dan juga negara membangun yang lain. Pencapaian yang telah dibuat amat mengagumkan ramai orang termasuklah pemimpin negara maju. Misalnya, hampir 10 tahun lalu, seorang Menteri Pendidikan dari sebuah negara Islam telah melawat Menteri Pendidikan Malaysia ketika itu dan menyatakan bahawa selama ini beliau hanya mengetahui negara Malaysia sebagai masih mundur tetapi bagaimana dalam masa yang begitu singkat Malaysia boleh membangun dengan begitu pesat. Seterusnya, Alvin Toffler, penulis yang berpandangan jauh pernah melawat IKIM pada tahun 1992 dan beliau berkata, "jikalau anda berjaya membangunkan negara ini, anda telah membuktikan kepada dunia bahawa Islam merupakan agama yang mampu membawa kepada pembangunan".

Pada dasarnya, pendekatan Pembangunan Ekonomi Malaysia sebenarnya berdasarkan suatu perancangan yang menyeluruh dan merangkumi hampir setiap aspek pembangunan manusia. Perancangan menyeluruh ini makin jelas terutama di kebelakangan ini apabila pembangunan mula membawa kesan yang amat positif. Sebelum ini perancangan pembangunan lebih mirip kepada pembangunan fizikal, tetapi sekarang lebih ditumpukan kepada pembangunan manusia itu sendiri serta memastikan kadar pertumbuhan yang tinggi dicapai, mewujudkan suasana kewangan yang menyokong perkembangan ekonomi di samping mengelakkan inflasi yang tinggi, menggalakkan tabungan untuk

menampung pelaburan dan memastikan imbalan pembayaran yang kukuh (Syed Othman Alhabshi 2002).

Kita dapat lihat bagaimana negara dapat menangani krisis ekonomi 1997-98 tanpa bantuan luar dengan menetapkan kadar pertukaran US\$1.00 kepada RM3.80, mengurangkan keperluan rezab bank, membentuk Danamodal dan Danaharta, tidak lagi berdasarkan eksport barang utama dan import barang pembuatan, tidak lagi kekal sebagai ekonomi pertanian, mengubah struktur ekonomi kepada perindustrian yang lebih mirip kepada sektor perkhidmatan, ICT, Pendidikan, Utiliti, Teknologi Petroleum dan sebagainya. Kesannya, Malaysia telah mengalami kadar pertumbuhan ekonomi yang amat pesat selama satu dekad berturut-turut sehingga datangnya kegawatan 1997-98 di mana KDNK telah bertambah dari RM80 billion pada 1990 kepada kira-kira RM210 billion pada 2000 manakala pendapatan purata per kapita meningkat dari RM6,099 pada 1990 kepada RM14,788 pada 2000 (Syed Othman Alhabshi 2002).

Chamhuri Siwar dan Nor Aini Hj. Idris (1996) menyatakan bahawa pertumbuhan ekonomi tidak akan bermakna sekiranya penghapusan kemiskinan atau pembaikan agihan pendapatan tidak diberikan perhatian yang serius. Sungguhpun Malaysia dianggap oleh Bank Dunia sebagai sebuah negara Asia Timur yang mengalami "ekonomi ajaib", kita seharusnya bijak dalam menangani masalah kemiskinan di mana kemiskinan boleh melanda setiap bangsa dan negara. Sekiranya gagal dibendung, kesannya dapat dilihat pada pelbagai gejala sosial dan ekonomi termasuklah peningkatan pengangguran. Pertumbuhan ekonomi sepatutnya merangkumi isu dan dimensi kemiskinan di Malaysia serta melihat beberapa dasar dan strategi bagi mengurangkan kadar kemiskinan ke arah pembasmian kemiskinan. Ini adalah kerana, pertumbuhan ekonomi adalah perlu dalam membasi kemiskinan. Namun, pertumbuhan ekonomi yang terlalu pesat seperti yang dialami oleh negara ini tidak dapat menjamin agihan pendapatan yang lebih adil kepada semua golongan termasuk yang terpisah

oleh jurang di antara yang kaya dan yang miskin. Sungguhpun demikian, banyak usaha pembasmian kemiskinan oleh kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan. Masalah kemiskinan kini lebih tertumpu kepada golongan termiskin dan golongan berpendapatan rendah yang terpinggir dan tersisih daripada arus perdana pembangunan.

Syed Farid Alatas (1999) menyatakan bahawa, peranan negara dalam pembangunan adalah meliputi perkara seperti pembekalan infrastruktur seperti rangkaian-rangkaian pengangkutan dan komunikasi, menyediakan peraturan ekonomi melalui dasar-dasar fiskal dan kewangan, kawalan pertukaran, dan sebagainya, serta dasar-dasar penstabilan ekonomi makro yang lain, dan juga pengumpulan modal melalui penglibatan dalam pengeluaran secara langsung, iaitu, dengan mendirikan perusahaan negara.

Grace A. J. Rumagit (2002) pula menyatakan bahawa, pembangunan ekonomi yang lebih menekankan kepada pertumbuhan (*growth*) yang dilaksanakan selama 32 tahun telah menimbulkan berbagai konsekuensi serius di dalam kehidupan bangsa Indonesia, baik di bidang ekonomi, sosial, politik, budaya dan sebagainya. Beberapa konsekuensi serius yang menimbulkan rapuhnya asas ekonomi Indonesia ialah seperti berikut:

- a. hutang pemerintah yang semakin menggunung, iaitu hutang luar negeri sebanyak 133 juta dollar (sama dengan empat kali ganda lebih dari jumlah anggaran pendapatan dan perbelanjaan belanja negara setiap tahun, atau 100 persen lebih dari produk domestik dan hutang dalam negeri sebanyak 600 juta dollar);
- b. di kawasan Asia Tenggara, pertumbuhan ekonomi Indonesia semakin rendah (3 persen), iaitu hanya menempati urutan kedua dari bawah atau setingkat di atas Thailand;
- c. terjadinya struktur pasar distortif seperti pasar monopoli, oligopoli, kartel, ofensif dan sebagainya;
- d. semakin meningkatnya harga barang (tingkat inflasi yang tinggi); dan

- e. terjadinya ketidakseimbangan atau ketimpangan *inter-regional*, ketimpangan antara desa dan kawasan kota, serta eksplorasi besar-besaran sumberdaya alam di desa sehingga menimbulkan dampak eksternalitas yang menciptakan biaya sosial yang tinggi.

Grace A. J. Rumagit (2002) juga menyatakan bahawa, dari segi realiti sosial politik, pembangunan ekonomi telah dicermati oleh:

- a. munculnya fenomena kekerasan politik untuk tujuan tertentu seperti demonstrasi dengan kekerasan, penculikan, penderaan, perampukan untuk biaya perjuangan politik, intimidasi, adu domba, pengeboman, menciptakan ketegangan atau kerusuhan untuk destabilisasi situasi, eksekusi peradilan jalanan oleh kelompok tertentu dan sebagainya;
- b. munculnya kelompok-kelompok pro status quo yang hanya ingin mempertahankan kedudukan atau *vested interested* dengan jalan korupsi, kolusi dan nepotisme, baik di lembaga eksekutif (pemerintahan), legislatif (MPR/DPR/DPRD), maupun judikatif. Beberapa waktu lalu, Harian Kompas melansir berita yang bertajuk, "Negeri Sarat Korupsi" (Kompas, hal. 8, tanggal 17 September 2001). Di samping ketiga-tiga lembaga tersebut, ternyata praktik korupsi juga turut melanda institusi pendidikan (18,1%), kesihatan (21,2%) bahkan lembaga keagamaan (27,7%). Menurut Lembaga *Transparancy International*, Indonesia termasuk dalam kategori negara terkorup nombor tiga (1999), nombor empat (2000) dan nombor dua (2001) di dunia;
- c. munculnya kelompok-kelompok yang tetap mencari untung (*rent seeking economic activities*) dengan berupaya untuk meminjam dari luar negeri dengan harapan akan mendapatkan *share* tertentu. Damanhuri (1996) mengutip pendapat Robinson dan Chopponniere bahawa terdapat beberapa kelompok ilmuan di Indonesia yang memberikan pertimbangan terhadap pengambilan keputusan ekonomi, antara lain:

- i. kelompok pertama iaitu kalangan teknokrat yang duduk di Bappenas dan Departmen Kewangan. Mereka adalah penganut pahaman kebebasan pasar yang terkendali. Mereka membenarkan intervensi negara dalam politik ekonomi untuk memperoleh pertumbuhan dan pemerataan sekaligus (delapan jalur pemerataan);
- ii. kelompok kedua, iaitu mereka yang berpusat di CSIS (aliansi beberapa jeneral dengan sekelompok pemodal swasta besar). Mereka mendukung bangkitnya proses konglomerasi dan mendambakan semacam timbulnya Indonesia Incorporated. Jumlah konglomerat sekitar 200 orang atau sekitar 58 persen yang menguasai GNP Indonesia. Kelompok konglomerat lain yang masih bermasalah terkait dengan Penyelesaian Kewajiban Pemegang Saham (PKPS), iaitu kumpulan Salim, Usman Admadjaja, Mohamad "Bob" Hasan, Sjamsul Nursalim, Kaharuddin Ongko, Bank Modern, bank Hokindo, dan Ibrahim Risjad; dan
- iii. kelompok ketiga, iaitu, para insinyur yang dipimpin oleh H.J. Habibie dan mereka yang ada di Jabatan Perindustrian. Mereka menyiapkan Indonesia untuk memasuki teknologi tinggi dalam abad XXI serta menjadikan industrialisasi sebagai "proses yang memimpin".

Konsekuensi pembangunan ekonomi dalam aspek sosial budaya dan lingkungan juga dicemari oleh pelbagai perkara, antara lain:

- a. terjadinya ketimpangan personal seperti lunturnya nilai-nilai moral, penggusuran masyarakat secara tidak manusiawi (Kompas 20/2/97), kurangnya pengakuan terhadap hak-hak masyarakat kecil, hilangnya budaya malu atau rasa malu (Kompas 18/4/2002) dan munculnya rasa prihatian yang mendalam dari masyarakat terhadap berbagai perilaku yang tidak normatif dari pejabat negara baik di peringkat eksekutif, legislatif dan judikatif. Pejabat negara lebih cenderung untuk memperjuangkan kepentingannya (contohnya kenaikan gaji anggota dewan, lebih suka studi banding, lebih suka membolos daripada mengikuti rapat, dan sebagainya) daripada:

- i. menegakkan supremasi hukum;
  - ii. menegakkan keadilan dan menghargai hak-hak asasi manusia;
  - iii. memberantas KKN sampai ke akar-akarnya;
  - iv. melakukan berbagai upaya efisiensi dan komitment moral untuk mencari solusi terhadap utang luar negeri yang kian menggunung;
  - v. mencari solusi terhadap kerusuhan di berbagai daerah yang tak kunjung berakhir, dan sebagainya;
- b. ketimpangan struktural dan relasi kekuasaan, seperti munculnya kelompok-kelompok tertentu ("laskar-laskaran", "forum-foruman", "pemuda-pemudaan", dan sebagainya) yang beratribut tertentu sebagai panggilan moral untuk melegitimasi kegiatannya. Padahal kegiatan yang dilakukan sesungguhnya berseberangan dengan hukum positif yang berlaku. Hal ini nampaknya didisain oleh para elit negara untuk untuk mempertahankan status quonya;
- c. di sisi lain, munculnya pula kelompok yang berkuasa (kaum feudalis) versus kelompok pinggiran (kaum marginal). Semuanya ini menimbulkan ketimpangan dalam berelasi, atau dalam melakukan hubungan kemitra-setaraan yang pada akhirnya menimbulkan hubungan eksplotatif (neokapitalisme) yang merugikan kaum lemah. Fenomena ini selaras dengan hasil pooling pendapat yang dilakukan oleh Kompas (Kompas tanggal 8 Oktober 2001), bahawa perlakuan yang diterima warna negara selama ini 72,7 persen belum adil. Menurut responden tidak ada satu institusi keadilan di negeri ini yang sudah mempraktikkan keadilan bagi masyarakat. Institusi kehakiman, kejaksaan dan kepolisian pun belum mencerminkan keadilan (71 persen). Lebih parah lagi MA yang dipandang sebagai benteng akhir untuk mencari keadilan ternyata hanya 2/3 persen;
- d. ketidakadilan ini tercermin dalam penuntasan berbagai kasus yang menyangkut politik, ekonomi, KKN, dan pelanggaran HAM. Hilangnya kewibawaan kaum penegak hukum dalam menerapkan rasa keadilan masyarakat tampaknya menjadi batu sandungan kian terpuruknya lembaga

peradilan di mata publik. Akhirnya masyarakat (responden) menyakini bahwa hanya 15 persen kebenaran hukum yang masih dipegang oleh penegak hukum; dan

- e. ketimpangan relasi manusia dengan alam terlihat dari tindakan manusia yang bersifat eksploratif (penebangan liar, pembakaran hutan, kerosakan terumbu karang, pokok bakau, menggunakan teknologi produksi mahupun pascapanen yang tidak ramah lingkungan dan sebagainya) terhadap lingkungan hidup sehingga terjadi ketidakseimbangan ekosistem. Hal ini dapat ditelusuri dengan adanya berbagai bencana alam seperti banjir yang menggenangi Jakarta beberapa waktu lalu, menurunnya hasil produksi (kasus beras yang masih di import) dan indikasi terjadinya rawan pangan di beberapa daerah, khususnya di Jawa Barat.

Dalam satu kajian yang lain, Wan Usman Wahyuni Kadarko menyatakan bahwa, hasil kajian yang dibuat oleh Lembaga Pengabdian Kepada Masyarakat Universitas Terbuka dan juga Kajian Ketahanan Nasional Universitas Indonesia telah mengenalpasti masalah di Kalimantan Barat seperti berikut:

- a. rendahnya kerja sektor pertanian (tanaman pangan, perkebunan, perikanan dan penternakan), di lain pihak sektor ini merupakan tulang punggung kegiatan ekonomi rakyat;
- b. besarnya kelompok masyarakat yang masih hidup di bawah garis kemiskinan (874.526 orang atau 25%) serta tersebar merata (91% desa tergolong miskin);
- c. rendahnya kualiti sumber daya manusia yang mampu menunjang pembangunan wilayah yang sudah bertekad tidak saja meningkatkan pertumbuhan ekonomi, tetapi juga menekankan pemerataan pembangunan di seluruh wilayah Kalimantan Barat;
- d. kurangnya modal dan lemahnya dokongan infrastruktur bagi pengusaha yang ingin menanamkan modalnya di wilayah Kalimantan Barat;

- e. ketidakstabilan sosial, iaitu pertentangan antara etnik yang masih sering terjadi bukan kerana perbezaan budaya dan kepercayaan, tetapi dugaan kuat adalah kerana kompetisi sosial ekonomi yang tidak sihat antara penduduk setempat dan perantau; serta
- f. lingkungan hidup dan sumberdaya alam yang sangat diperlukan bagi pembangunan berkelanjutan, ternyata rosak berat sebagaimana diungkapkan oleh Kantor Menteri KLH (1996).

Masalah-masalah di atas membuktikan bahawa isu pembangunan wilayah Kalimantan Barat bukan sahaja untuk mermerangi masalah kemiskinan, tetapi juga mencakupi isu lingkungan hidup, iaitu bagaimana untuk menyemai kesedaran masyarakat tentang pembangunan yang tidak merosakkan alam sekitar.

Seok Choon Lew dan Hae Kwang Park (Disember 1998) menyatakan bahawa, kesan pembangunan ekonomi ke atas kualiti hidup telah mula diperbincangkan serta dijadikan kajian di Korea Selatan selepas Presiden Kim merampas kuasa pada awal tahun 1990an. Perkara-perkara seperti konflik antara kelas, kemiskinan, pencemaran, kemiskinan, kebajikan, tenaga buruh, diskriminasi terhadap wanita dan juga jurang antara wilayah telah diketengahkan semula dalam usaha untuk mengkaji kesan pembangunan ekonomi ke atas taraf hidup penduduk Korea dan seterusnya membantu Kerajaan merangka strategi pembangunan yang strategik dan menyeluruh selepas itu. Dari kajian yang dibuat, secara kasarnya taraf kualiti hidup rakyat Korea adalah lebih tinggi sedikit berbanding pada awal tahun 1970an, tetapi taraf kepuasan hidup mereka masih lagi di bawah setengah disebabkan oleh penurunan kualiti alam sekitar di samping ketidakpuasan rakyat terhadap aspek kebajikan mereka. Justeru itu, Kerajaan Korea disarankan agar memberikan tumpuan ke atas aspek kualitatif berbanding dengan aspek kuantitatif serta ekonomi. Selain itu, aspek perumahan rakyat yang selesa yang dilengkapi dengan kemudahan asas yang lengkap serta diberikan kemudahan sosial yang sepatutnya diberikan perhatian

memandangkan ia juga meyumbang kepada peningkatan kualiti hidup rakyat. Dalam kajian yang akan datang juga disarankan agar perkara-perkara yang mempengaruhi taraf atau kualiti hidup serta bagaimana dan setakat mana kesan yang ditimbulkannya perlulah dimasukkan ke dalam kajian.

Dalam satu kajian lain yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan China ke atas 74 buah kolej di Beijing, Tianjin, Shanghai, Hubei, Guangdong Shaanxi, Jiangsu dan Jiangxi (menggunakan borang soal selidik, perbincangan dan temubual) mendapati bahawa:

- a. dari 14, 900 borang soal selidik yang diedarkan, sebanyak 14,098 borang soal selidik telah diperolehi semula lengkap dengan maklumat yang diperlukan dan seramai 2,600 pelajar telah ditemubual;
- b. 73% bersetuju bahawa Kerajaan China khasnya Parti Komunis China (CPC) "*had done a great job*" dalam tahun 2001 dan mencapai kemajuan yang memberangsangkan di bidang sains dan teknologi, "*securing a fast and healthy economic growth*" dan "*pushing forward the west development strategy*";
- c. keyakinan yang tinggi di kalangan pelajar ke atas kestabilan politik dan sosial di dalam negara China;
- d. 73% percaya bahawa pembangunan ekonomi negara China dalam tahun 2002 adalah "*very optimistic*" atau "*fairly optimistic*"; dan
- e. dicadangkan agar para pelajar seharusnya bertindak sebagai "*pioneers to improve China's productive forces, as the disseminators of China's advanced culture and as the guardians of people's fundamental interests*". (Dipetik Dari People's Daily, 31/5/2002)

## **2.6 Campur Tangan Kerajaan Di Dalam Pembangunan Negara**

Campur tangan kerajaan atau *state intervention* di dalam pembangunan ekonomi negara dikatakan sebagai :

*"....to provide the social, legal and economic infrastructure for the market to operate and to create a suitable climate for private enterprise. An important function of the government in this concept is to promote a domestic and international competition, as these are thought to best generate 'efficient economic growth'." (Ajit Singh 1994)*

Konsep *state intervention* ini diterangkan dengan lebih jelas lagi di dalam *World Development Report 1991* antaranya:

*".... Domestic and external competition provides the incentives that unleash entrepreneurship and technology progress. But market cannot operate in a vacuum because they require a legal and regulatory framework that only governments can provide. And, at many other tasks, markets sometimes prove inadequate or fail altogether. This is why the governments must, for example, invest in infrastructure and provide essential services to the poor. It is not a question of state or market but, each has a large and irreplaceable role." (World Bank 1991)*

Hasrat sebenar *state intervention* dilakukan adalah semata-mata untuk mewujudkan suatu keadaan yang dipanggil *market-friendly* dan peranan kerajaan dalam hal ini boleh dilihat dalam tiga keadaan seperti berikut:

### **a. Intervene Reluctantly**

*Let the markets work unless it is demonstrably better to step in. It is usually a mistake for the state to carry out physical production, or to protect the domestic production of a good that can be imported more cheaply and whose local production offers few spillover benefits;*

**b. Apply Checks and Balances**

*Put intervention continually to the discipline of international and domestic markets; and*

**c. Intervene Openly**

*Make interventions simple, transparent and subject to the rules rather than official discretion." (Ajit Singh 1994)*

Pada peringkat awal perkembangan industri perindustrian (selepas Perang Dunia Kedua), khasnya di negara-negara Asia, negara Jepun dilihat paling menonjol sekali berbanding dengan negara-negara Asia yang lain. Misalnya di antara tahun 1953 hingga 1973, Kerajaan Jepun telah menggunakan pelbagai kaedah (*instruments*) untuk memulihkan kembali ekonomi dan juga negara Jepun yang telah musnah selepas kalah di dalam Perang Dunia Kedua. Mereka seterusnya telah berusaha gigih untuk mencapai apa yang dikatakan sebagai "*the extraordinary structural transformation of the Japanese economy*". Di antara *instruments* yang digunakan ialah seperti: "*bank finance and directed credit, import controls and protection, restrictions on entry and exit of firms in the domestic market, control over foreign exchange, and importation of foreign technology.... The Japanese government did not only use this methods of intervention to concentrate resources to promote specific industries, its role in the country's industrial development was deeper and even more intrusive... Moreover, the Japanese government did not seek a 'close', but rather what may be called a 'strategic' integration with the world economy. For example, they made an extensive use of formal or informal imports controls and protection. They also restricted foreign direct investment by multinationals.*" (Ajit Singh 1994)

Usaha gigih orang-orang Jepun yang terkenal dengan kerajinan bekerja dan diikuti dengan sikap taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara telah membawa kejayaan besar kepada Jepun sehingga akhirnya menjadi salah sebuah gergasi ekonomi yang amat dikagumi dan setanding dengan negara-

negara Barat yang lain. Begitu juga halnya dengan negara Korea. Kejayaan mereka telah menjadi inspirasi kepada kebanyakan negara-negara Asia lain termasuklah negara kita Malaysia. Pada 8hb. Februari 1982, semasa Persidangan "the 5th Joint Annual Conference of MAJEC/JAMECA" di Hilton Kuala Lumpur, Y.A.B. Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan **Dasar Pandang Ke Timur**. Dasar ini bermakna, pihak Kerajaan akan membuat pengkajian, penelitian dan pemilihan terhadap contoh-contoh dan teladan yang terbaik daripada negara Jepun dan Korea dengan mengubahsuaikannya dengan keadaan-keadaan di Malaysia.

Selaras dengan dasar ini, Kerajaan telah menyusun strategi dan program bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan kualiti penghasilan kerja yang lebih baik di kalangan pegawai dan kakitangan. Pegawai-pegawai dan pelajar Malaysia telah dihantar ke Jepun dan Korea untuk mempelajari selok belok teknikal dan aspek pengurusan di kedua-dua negara tersebut. Di antara perubahan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- i. Kad Perakam Waktu Kerja (*Punch Card*);
- ii. penggunaan Tanda Nama (*Name Tag*);
- iii. penubuhan Pasukan Meningkat Mutu Kerja (QCC);
- iv. Konsep Pejabat Terbuka, Perkhidmatan Kaunter dan Perkhidmatan Pembayaran Bil Setempat;
- v. Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja;
- vi. Perkhidmatan Cemerlang;
- vii. Konsep Bersih, Cekap dan Amanah (BCA);
- viii. Kepimpinan Melalui Teladan (KMT);
- ix. Latihan Perindustrian dan Teknikal di Jepun dan Korea;
- x. Program Pengajian Akademik (sains dan teknikal) di Jepun dan Republik Korea;
- xi. Program Kemajuan Eksekutif; dan
- xii. Skim Latihan Pembangunan Usahawan.

Dasar Pandang Ke Timur merupakan satu usaha baik dan positif dari pihak Kerajaan Malaysia untuk meningkatkan lagi prestasi pengurusan dan pembangunan di negara ini. Ini bukanlah dianggap sebagai campur tangan kerajaan tetapi lebih kepada tanggungjawab kerajaan yang perlu dilaksanakan demi untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat semua tanpa mengira darjat, pangkat, agama, keturunan, bangsa dan sebagainya. Melalui kajian yang telah dibuat oleh pihak INTAN, Dasar ini telah memberi kesan yang besar terhadap usaha-usaha di atas dan seterusnya Dasar ini dapat membantu Kerajaan untuk meninggikan lagi prestasi dan daya pengeluaran negara ini. Di samping itu, ianya boleh menjadi asas bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang dinamik dan progresif (Dipetik Dari Pekeliling Jabatan Perdana Menteri Mengenai Dasar-Dasar Baru Kerajaan, 28/6/1983)

Dari Ucapan Bajet Tahun 2003 yang disampaikan oleh Y.A.B. Dato Sri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Dan Menteri Kewangan Malaysia, ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan (2003) Di Dewan Rakyat pada 20 september 2002 menyatakan bahawa, sehingga kini, pertumbuhan ekonomi negara kian bertambah baik semenjak pembentangan Bajet 2002. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah kembali pulih dengan mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.1 peratus pada suku pertama dan meningkat lebih kukuh kepada 3.8 peratus pada suku kedua tahun ini(2002). Memandangkan pertumbuhan negatif yang dialami pada kedua-dua suku terakhir tahun 2001, besar kemungkinan pertumbuhan separuh kedua tahun 2002 adalah lebih baik. Dari segi perkembangan sektor pula, semua sektor memperolehi pertumbuhan positif dengan sektor pembuatan dan perkhidmatan mencatat pertumbuhan tertinggi. Ekonomi negara keseluruhannya dijangka meningkat pada kadar sekurang-kurangnya 4 peratus pada tahun 2002. Di antara strategi Bajet 2003 adalah seperti berikut:

**Strategi Pertama:**

Meningkatkan Pelaburan Tempatan Dengan Cara: Membangunkan Lagi Industri Kecil Dan Sederhana; Mengurangkan Kos Pengendalian Perniagaan; Ganjaran Istimewa Bagi Pengeksport Terbaik Negara; Mewujudkan Kontraktor Dan Usahawan Bumiputera Yang Berdaya Maju; dan Memusatkan Pembangunan Pasaran Modal.

**Strategi Kedua:**

Mengenal Pasti Dan Menerokai Bidang Baru Dalam Sektor Perkhidmatan, Pertanian Dan Pembuatan Dengan Cara: Meningkatkan Pelaburan Di Sektor Perkhidmatan; Mempercepatkan Peralihan Ke Arah ICT; Meneroka Sepenuhnya Potensi Pelancongan; Menjadikan Sektor Pertanian Jentera Ketiga Pertumbuhan; dan Menggalakkan Aktiviti Bernilai Tinggi Di Sektor Pembuatan.

**Strategi Ketiga:**

Memantapkan Kewangan Sektor Awam Serta Mempertingkatkan Kecekapan Perkhidmatan Awam Dengan Cara: Peruntukan Bajet 2003; Bajet Dua Tahun; Mencapai Kecemerlangan Pendidikan; Membangun Sumber Manusia Ke Arah Ekonomi Baru; Rakyat Sihat Menjamin Negara Makmur; dan Meningkatkan Kecekapan Perkhidmatan Awam.

**Strategi Keempat:**

Memupuk Masyarakat Progresif, Berakhlik Dan Berharmoni Bagi Menjamin Kesejahteraan Rakyat Dengan Cara: Memantapkan Agenda Pembangunan Luar Bandar; Menjamin Kesejahteraan Rakyat; Memulihara Alam Sekitar; Memartabatkan Peranan Wanita; Mempersiapkan Belia Sebagai Generasi Pelapis; Menuju Kegemilangan Sukan; Penglibatan Lebih Aktif Pertubuhan Bukan Kerajaan; dan Menghayati Ajaran Islam Yang Syumul.

Kerajaan yakin dengan strategi dan langkah-langkah yang dicadangkan dalam Bajet 2003 ini serta pemulihan sektor swasta yang lebih dinamik dalam menjana kegiatan ekonomi, pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 2003 akan lebih mantap.

Walau bagaimanapun, tidak semua campur tangan kerajaan di dalam pembangunan ekonomi negara memberikan pulangan yang positif kepada negara. Misalnya, salah satu sebab kerajaan membentuk Pelan Induk Perindustrian yang diumumkan pada bulan Julai 1985 ialah kerana campur tangan kerajaan di dalam memberikan galakan perindustrian seperti galakan cukai, galakan pelaburan industri baru, galakan tempatan, Akta Penyelarasan Perindustrian dan pengujudan Kawasan Perdagangan Bebas telah menghasilkan keadaan yang tidak seimbang di dalam industri pembuatan. Antara kesan-kesan yang tidak seimbang ini ialah:

- a. terlalu berat kepada 2 sektor eksport iaitu elektronik dan tekstail (hampir 65% daripada pengeluaran adalah daripada sektor-sektor ini);
- a. 73% daripada kegiatan-kegiatan pembuatan bertumpu di kawasan-kawasan maju;
- b. kadar kepentingan asing yang tinggi dalam modal tetap misalnya industri elektronik (80%) dan industri tekstail (54%);
- c. galakan-galakan industri tidak berlaku *across firm* dan *across industry* yang menyebabkan tidak seimbangnya kesan galakan; dan
- d. kebanyakan firma yang menggunakan galakan-galakan kerajaan tersebut adalah firma-firma multinasional yang berorientasikan pasaran eksport yang kurang memberikan perhatian kepada peluang-peluang mewujudkan pemerosesan (*backward linkages*) dalam negeri (Dipetik Dari Pekeliling Jabatan Perdana Menteri Mengenai Dasar-Dasar Baru Kerajaan, 28/6/1983).

## **2.7 Formula Pembangunan Negara Malaysia**

Matlamat pertumbuhan ekonomi dan perpaduan negara sentiasa dipertegaskan dalam rancangan-rancangan pembangunan negara sejak Rancangan Malaysia Pertama, namun salah satu matlamat yang asasi, iaitu keadilan hanya muncul dalam tahun 1971 setelah terjadinya rusuhan perkauman pada 13 Mei 1969. Keprihatinan akan pembangunan akhlak atau etika dan moral pula dinyatakan pada tahun-tahun 1970an. Di sini nampak jelas bahawa para penggubal Rancangan Malaysia Pertama (1966–1970) tidak memberikan penumpuan kepada perkara-perkara agama, akhlak dan keadilan tatkala mereka merencanakan matlamat-matlamat pembangunan dua puluh tahun Malaysia dari 1965 hingga 1985 (Rancangan Malaysia Pertama 1965).

Sekiranya diteliti, didapati juga, pendekatan kepada perancangan pembangunan negara khasnya di Semenanjung Malaysia pada peringkat awalnya (selepas merdeka) terlalu terikut dengan pemikiran para ahli ekonomi yang lebih memberikan penekanan kepada aspek perkembangan ekonomi semata-mata. Sejak merdeka sehingga berlakunya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, tumpuan pembangunan negara lebih memberikan perhatian kepada pembangunan ekonomi dan infrastruktur (Mohd Nor 1981).

Keutamaan pembangunan diberikan kepada projek yang dapat merangsangkan perkembangan ekonomi dan pelaburan. Perancangan pembangunan awal ini tidak membekalkan ruang kepada perubahan struktur ekonomi dan pekerjaan penduduk, kecuali meningkatkan produktiviti semua sektor bagi merangsangkan perkembangan ekonomi. Akibatnya penduduk masih lagi diidentitikan dengan kegiatan ekonomi mengikut kaum masing-masing. Penduduk Melayu masih kekal di luar bandar dengan aktiviti pertanian dan penduduk India dengan sektor perladangan. Keadaan ini menyebabkan jurang pembahagian penduduk mengikut sektor pekerjaan amat menonjol. Situasi tersebut diperburukkan lagi apabila penduduk luar bandar tidak diambil kira sebagai sasaran di dalam proses perancangan pembangunan peringkat awal. Kesannya jurang ketidaksamaan di

antara kawasan bandar dan luar bandar bertambah luas dan seterusnya mencetuskan masalah politik antara kaum pada 13 Mei 1969. Peristiwa 13 Mei 1969 ini telah menyedarkan para perancang pembangunan negara bahawa dasar pembangunan yang diamalkan selama ini hanya memberikan keuntungan kepada pihak yang tertentu sahaja dan gagal membawa pembangunan yang menyeluruh (Tiun Ling Ta 1999).

Walau bagaimanapun, tahun 1957 boleh dianggap sebagai titik tolak kepada proses pembangunan khasnya di Semenanjung Malaysia. Dengan pengisytiharaan Kemerdekaan Malaysia pada 31 Ogos 1957, maka bermulalah sebuah negara baru di muka bumi dan suatu bangsa baru yang unik iaitu Bangsa Malaysia. Keadaan politik negara pada masa itu masih lagi tidak stabil dengan adanya lagi ancaman dari Parti Komunis Malaya. Di samping itu, masalah penyakit berjangkit juga masih mengancam penduduk. Kadar pertumbuhan penduduk pula terlalu tinggi iaitu tidak selaras dengan pembangunan ekonomi. Pertambahan penduduk pada kadar 3.1% dengan kadar kematian 12.4 bagi setiap 1000 penduduk dianggap sebagai yang tertinggi di dunia. Tetapi, selepas 1957, kadar-kadar tersebut telah menunjukkan satu tren ke arah penurunan berbanding kadar-kadar pada tahun-tahun sebelum negara mencapai kemerdekaan. Misalnya kadar kematian yang tinggi yang dialami pada lewat tahun 1950an dan awal 1960an mempunyai kaitan dengan kekurangan kemudahan asas di mana kebanyakan kemudahan bekalan air bersih dan bekalan elektrik hanya terdapat di kawasan tertentu sahaja seperti di bandar dan di sektor perlombongan. Penduduk luar bandar masih lagi tidak dapat menikmati kemudahan tersebut (Saw 1988).

Tunku Abdul Rahman pernah berkata,

**"BEBAS...MERDEKA...BERDAULAT**, mulai hari ini! Akan tetapi hari itu hanya merupakan bab pertama dalam sejarah negara muda yang penuh harapan ini. Di depan terbentang tugas yang besar bagi mengatur hal ehwal negara bagi

kemajuan, membangunkan negara, mencipta sebuah masyarakat baru dengan mencurahkan kesetiaan kepada Raja dan Negara."(Tan Teng Hong 2001)

Kejayaan pertama Malaysia, iaitu kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 bukanlah suatu keajaiban, tetapi lebih mirip kepada suatu kejayaan yang dirancang dengan sempurna. Kemerdekaan ini lahir daripada perpaduan di antara kaum hasil daripada persefahaman di antara kaum. Kemerdekaan Malaysia juga melambangkan permulaan suatu inspirasi baru kepada bakal-bakal pemimpin serta rakyat Malaysia yang akan membuktikan kepada dunia bahawa rakyat Malaysia berupaya untuk bersaing dalam dunia ini dalam pelbagai bidang berdasarkan formula tersendiri, iaitu Formula Malaysia (Tan Teng Hong 2001).

Sebenarnya, Formula Malaysia merupakan suatu strategi pembangunan negara yang unik. Ia merangkumi perancangan yang rapi oleh pemimpin-pemimpin Malaysia sejak kemerdekaan. Rancangan pembangunan tersebut termasuklah pembangunan sosial, ekonomi dan politik. Rancangan-rancangan pembangunan tersebut merupakan asas keteguhan sistem pentadbiran kerajaan pada masa kini, dan akan terus menjadi teras kejayaan Malaysia dari segi sosial, ekonomi dan politik.

Jika dikaji dari sudut sejarah, formula kemerdekaan Malaysia amat bergantung kepada kesedaran politik di kalangan orang Melayu. Semangat mengutamakan bangsa merebak di kalangan orang Melayu setelah British memperkenalkan Rancangan Malayan Union. Pelajar-pelajar Melayu bimbang sekiranya Malayan Union ditubuhkan, kedaulatan Raja-raja Melayu dan masa depan politik orang Melayu akan terjejas. Hasil daripada sifat nasionalisme di kalangan bangsa Melayu, mereka mula sedar mengenai nasib bangsa dan bersepada untuk mewujudkan UMNO. Kewujudan suatu parti politik yang menyatupadukan bangsa Melayu merupakan batu loncatan ke arah kemerdekaan.

Walaupun pembentukan Persekutuan Tanah Melayu masih lagi di bawah pemerintahan kerajaan British, kedaulatan Raja-raja Melayu masih terjamin. Ini

adalah penting kerana tanpa sokongan daripada orang Melayu, rancangan untuk mengadakan satu bentuk pemerintahan bagi negara ini tidak akan berjaya. Kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 juga tidak boleh diabaikan kerana ia akan menjadi asas kepada Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu antara lain akan menjamin kedaulatan Raja-raja Melayu serta kedudukan istimewa orang Melayu. Pemberian kerakyatan kepada semua kaum juga merupakan asas kepada konsep perkongsian sebuah negara berbilang kaum.

Hasil daripada pakatan murni daripada Parti Perikatan (UMNO-MCA-MIC), mereka berjaya memenangi pilihanraya yang pertama. Rahsia di sebalik kejayaan Parti Perikatan adalah sikap tolak ansur serta persefahaman di kalangan pemimpin-pemimpin pelbagai kaum. Sikap tolak ansur dan saling menghormati adalah penting kerana perpaduan kaum bergantung kepada semangat silaturahim dan saling faham-memahami di antara kaum. Pakatan murni ini juga telah menjadi suatu parti politik yang kukuh dan akan membentuk masyarakat yang adil dan bermuafakat serta membolehkan kekayaan negara dibahagikan secara saksama.

Selepas kemerdekaan, formula sosial Malaysia yang paling penting adalah integrasi nasional. Keunikan Malaysia dalam menangani isu ini dapat dilihat daripada masyarakat majmuk Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Selain daripada tiga kelompok bangsa dan keturunan yang utama iaitu Melayu, Cina dan India, Malaysia juga mempunyai penduduk yang berketurunan Kadazan, Bajau, Murut, Iban, serta 50 suku bangsa yang lain. Oleh sebab jurang perbezaan bahasa, agama dan kebudayaan yang luas tersebut, proses integrasi nasional tidak pernah berhenti sehingga kini. Proses yang menyatupadukan pelbagai kumpulan yang mempunyai perbezaan kebudayaan dan sosial ini adalah penting bagi mewujudkan identiti nasional serta semangat patriotisme.

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan untuk menjalankan integrasi nasional. Usaha yan pertama melibatkan integrasi wilayah untuk mewujudkan

persefahaman antara rakyat tanpa mengira wilayah atau kawasan asal mereka. Sebagai contoh, kerajaan telah menggalakkan perpindahan penduduk antara wilayah, terutamanya di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak. Dalam proses terebut interaksi di antara rakyat di dalam pelbagai bidang telah diperkembangkan. Ini dapat mengurangkan jurang antara rakyat dan bersama-sama berganding bahu untuk melaksanakan pembangunan negara.

Sebagai rancangan jangka panjang, kerajaan terus menjalankan pelbagai aktiviti untuk menggalakkan perpaduan kaum demi kesejahteraan negara. Usaha tersebut termasuklah rancangan pertukaran kebudayaan, penyatuan sistem pendidikan, media massa, integrasi ekonomi serta integrasi politik dan politik perkauman.

Dalam rancangan pertukaran kebudayaan, pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Penerangan, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Perpaduan Negara dan berbagai-bagi persatuan sukarela telah menganjurkan berbagai-bagi kegiatan dan aktiviti antara budaya. Usaha-usaha tersebut bertujuan mewujudkan interaksi dan persefahaman yang lebih baik di antara penduduk Malaysia. Antara aktiviti yang telah dianjurkan adalah seperti pertukaran belia dan penuntut, lawatan sambil belajar, khemah kerja, rancangan anak angkat, pertukaran kebudayaan, pertandingan sukan antara jabatan dan wilayah serta pertukaran pegawai kerajaan. Kejayaan usaha kerajaan dapat dilihat pada hari ini dengan masyarakat yang prihatin serta rumah-rumah terbuka yang biasa dilihat semasa perayaan penting setiap kaum.

Usaha seterusnya melibatkan integrasi ekonomi di mana setiap wilayah di Malaysia diberi peruntukan untuk membantu proses pembangunan supaya kemakmuran dapat dinikmati bersama. Selain pengaliran modal dan keuntungan, perkembangan prasarana antara wilayah turut membantu ahli-ahli perniagaan dan usahawan untuk mengembangkan perusahaan mereka. Di samping itu, dengan wujudnya pasaran yang lebih luas antara wilayah, industri negara akan berkembang dan akhirnya pembangunan akan menjadi pesat.

Dalam bidang integrasi ekonomi, pelbagai kemajuan telah dicapai melalui beberapa bidang seperti perancangan ekonomi dan pembangunan yang lebih sistematik; pengaliran buruh dan pasaran buruh antara wilayah; penyatuan sistem kewangan dan modal antara wilayah; integrasi perdagangan dan perkembangan perdagangan antara wilayah; program-program bagi mengimbangkan pembangunan wilayah; program bagi mengurangkan kadar kemiskinan dan ketidakseimbangan pendapatan rakyat melalui Rancangan Pembangunan Malaysia dan program mempertingkatkan prasarana dan sistem perhubungan di antara wilayah.

Bagi integrasi politik dan politik perkauman pula, satu sistem kerajaan yang bercorak 'Kerajaan Campuran' telah diwujudkan bagi menyatukan berbagai-bagi pandangan politik di Malaysia. Formula politik Malaysia ini merupakan strategi politik yang fleksibel di mana parti-parti politik yang berkuasa di wilayah masing-masing turut menyertai kerjaan campuran dalam pembangunan negara. Walaupun setiap parti politik mempunyai wakil rakyat di peringkat Parlimen dan boleh mengemukakan pelbagai masalah dan cadangan kepada Kerajaan Persekutuan, masih terdapat ahli-ahli politik tertentu yang biasanya menggunakan isu politik perkauman dan menimbulkan isu-isu sensitif untuk tujuan politik mereka. Seringkali kita dapat lihat bagaimana isu-isu yang bukan politik telah dipolitikkan sehingga menjadi serius atau kadangkala "menggemparkan". Oleh itu, pelbagai saluran dan mekanisme perlindungan telah digunakan oleh kerajaan bagi membendung taktik politik yang keterlaluan sehingga boleh menjadikan keamanan negara. Kestabilan politik perlu diberi keutamaan untuk menjamin kemakmuran dan kesejahteraan negara untuk jangka masa panjang.

Melalui usaha-usaha kerajaan yang tersebut di atas, Malaysia berjaya mengembangkan ekonomi negara dan pada masa yang sama mengekalkan ketenteraman masyarakat. Walau bagaimanapun, Malaysia perlu terus memajukan setiap bidang yang diceburi supaya menjadi sebuah negara terbangun berdasarkan acuan sendiri. Oleh itu, Y.A.B. Perdana Menteri

Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menetapkan suatu visi, iaitu Wawasan 2020 supaya rakyat Malaysia mempunyai satu matlamat unggul yang perlu dicapai dan terus berusaha membangunkan negara dalam setiap bidang.

Sesebuah negara yang membangun bukan sahaja perlu mempunyai pendapatan per kapita yang setanding dengan negara maju malah perlu merangkumi pencapaian negara dalam semua aspek, iaitu integrasi sosial, tahap ekonomi, keadilan sosial, kestabilan politik dan kejayaan dalam memajukan kualiti kehidupan rakyat dari aspek sosial serta aspek rohaniah. Di samping itu, keyakinan dan kebanggaan terhadap pencapaian negara juga perlu dipupuk di kalangan rakyat. Oleh itu, sembilan cabaran telah dikenalpasti untuk mencapai cita-cita Malaysia yang unggul ini iaitu: Mewujudkan Malaysia yang bersatu padu; Mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas, teguh, rohaniah yang tinggi dan mempunyai keyakinan serta dihormati oleh kaum-kaum lain; Mewujudkan suatu masyarakat demokratik yang matang serta berorientasikan masyarakat berdasarkan persefahaman dan kerjasama; Mewujudkan masyarakat yang mempunyai etika dan kemoralan yang baik; Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal, dan toleran; Mewujudkan masyarakat yang progresif dengan pencapaian saintifik yang unggul; Mewujudkan masyarakat penyayang; Mewujudkan masyarakat adil yang mengongsi peluang ekonomi yang saksama; dan Mewujudkan masyarakat yang sejahtera dengan ekonomi yang kukuh dan dinamik.

Sesuai dengan usaha kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang ideal tersebut, pelbagai usaha telah dijalankan bagi mengatasi semua cabaran yang dinyatakan. Dengan rangka yang dinyatakan oleh Wawasan 2020, rakyat Malaysia kini mempunyai satu cita-cita untuk membangunkan negara dan sedia untuk menghadapi cabaran-cabaran tersebut.

Keupayaan rakyat Malaysia dalam menghadapi pelbagai cabaran terbukti apabila rakyat Malaysia berjaya menguruskan temasya-temasya sukan bertaraf antarabangsa seperti Sukan Komanwel Ke 16 dan Perlumbaan F1 Sepang.

Selain keupayaan pengurusan, para atlit turut membanggakan negara apabila mereka berjaya memungut 10 pingat emas di Sukom 98. Semua kejayaan ini adalah hasil usaha semua rakyat yang berganding bahu, bukan sahaja dari segi kewangan dari pihak kerajaan dan swasta malahan dari segi tenaga dan masa para sukarelawan yang turut bertungkus lumus menjayakan aktiviti-aktiviti sukan yang penuh bermakna ini.

Selain aktiviti-aktiviti sukan untuk mengukuhkan keyakinan rakyat Malaysia terhadap keupayaan masing-masing, kerajaan bersama-sama dengan kerjasama pihak swasta turut menyokong cita-cita individu yang bermakna, misalnya ekpedisi mendaki Gunung Everest, ekpedisi ke kutub utara serta ekpedisi mengelilingi dunia dengan kapal layar. Semua aktiviti ini berjaya memupuk semangat "Malaysia Boleh!" yang akan diingati oleh semua rakyat Malaysia dan menjadi kebanggaan rakyat Malaysia untuk generasi-generasi yang akan datang.

Akhirnya, rakyat perlu sedar tentang kepentingan Formula Malaysia dalam pembangunan negara dan berusaha untuk mempertahankan cita-cita rakyat untuk mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020. Segala anasir-anasir yang berniat untuk melemahkan negara dari setiap segi perlu dibendung sebelum terlambat. Semoga kita berjaya dalam merealisasikan Wawasan 2020.

## **2.8 Kejayaan Pembangunan Negara Malaysia**

Berdasarkan kepada pembangunan sosio ekonomi yang dinikmati sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia secara umumnya telah berjaya memperbaiki taraf hidup penduduknya. Kejayaan ini dapat dibanggakan sekiranya situasi politik yang tidak menentu pada masa itu diambilkira. Di samping itu, Keluaran Kasar Domestik negara di antara tahun 1957 hingga 1960 telah meningkat sebanyak 15%. Peningkatan ini mempunyai kaitan dengan suasana politik yang tidak menentu di Singapura di antara tahun 1959 dan awal tahun 1960 menyebabkan dana pelaburan dari Singapura bertumpu ke

Semenanjung Malaysia. Ini memberikan kelebihan kepada kedudukan ekonomi negara terutamanya dalam Keluaran Kasar Domestik (Tiun Ling Ta 1999). Selain itu, kemajuan juga telah dicapai di dalam usaha mengagihkan kekayaan, pendapatan dan peluang-peluang ekonomi dengan lebih saksama. Kejayaan yang besar juga telah diperolehi di dalam pembangunan sosial bagi memenuhi keperluan asas dan lebih ramai rakyat Malaysia telah menikmati kemudahan-kemudahan pelajaran, kesihatan dan lain-lain perkhidmatan awam yang lebih baik dan sempurna.

Kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dari segi pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula corak guna tenaga serta pemilikan kekayaan adalah membanggakan walaupun prestasi ekonomi negara pada sebahagian besar tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME) telah dipengaruhi oleh suasana ekonomi dunia yang tidak menentu. Pencapaian kadar pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang tinggi pada tahun-tahun 1970an telah mempercepatkan kemajuan-kemajuan ke arah matlamat DEB. Pada awal tahun-tahun 1980an merupakan tempoh yang lebih mencabar bagi kedudukan ekonomi negara ini. Ini disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia dan keadaan ini telah menyebabkan pencapaian matlamat penyusunan semula di dalam DEB agak terjejas.

Mengikut Laporan Penilaian Semula Rancangan Malaysia Ketiga (1970 – 1980), secara keseluruhannya, masalah kemiskinan luar bandar telah menurun daripada 43.9% pada tahun 1975 kepada 36.6% pada tahun 1978. Purata pendapatan bulanan penduduk juga telah meningkat daripada RM200 pada 1970 kepada RM286 menjelang tahun 1976, iaitu peningkatan sebanyak 6.1% dalam jangka masa 6 tahun (Malaysia 1979). Ini memberikan gambaran bahawa penduduk luar bandar terutamanya penduduk Melayu telah dapat memperbaiki taraf sosioekonomi masing-masing.

Pada dasarnya, perancangan dan pembangunan negara ini sebenarnya telah bermula pada tahun-tahun 1950an lagi. Rancangan-rancangan pembangunan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

**a. Rancangan Malaya Pertama (1956 – 1960)**

Rancangan ini juga dipanggil sebagai Rancangan Pembangunan Lima Tahun Pertama yang diadakan dengan tujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan dan taraf hidup penduduk, menghadapi masalah kadar pertambahan penduduk yang tinggi iaitu pada kadar 3.3% setahun, menangani masalah ketidakstabilan politik dan masalah kemelesetan ekonomi negara. Usaha juga diberikan bagi meningkatkan jumlah pendaftaran pelajar ke sekolah rendah serta pembukaan tanah baru untuk pertanian misalnya melalui FELDA (Federal Land Development Authority) pada tahun 1956 bagi memperbaiki taraf hidup penduduk luar bandar. Usaha ini berjaya meningkatkan pendaftaran pelajar ke sekolah rendah bantuan penuh kerajaan sebanyak 45% manakala banyak tanah pertanian baru telah diagih-agihkan kepada peneroka baru (Malaysia 1961).

**b. Rancangan Malaya Kedua (1961-1965)**

Rancangan ini juga dipanggil sebagai Rancangan Pembangunan Lima Tahun Kedua diadakan dengan tujuan untuk mengurangkan masalah ekonomi yang terlalu bergantung kepada dua eksport utama iaitu getah dan bijih timah. Masalah lain seperti kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi, ketidaksamaan taburan pendapatan dan masalah sumber tenaga manusia yang rendah juga diberi perhatian. Kadar kematian juga masih lagi tinggi walaupun sudah menampakkan sedikit penurunan. Kadar kematian kasar di Semenanjung Malaysia telah menurun kepada 8.9 bagi setiap 1000 penduduk menjelang tahun 1963 berbanding 11 bagi setiap 1000 penduduk pada tahun 1955. Kadar kematian bayi juga menurun dari 95 setiap 1000 kelahiran hidup pada tahun 1955 kepada hanya 59 setiap bagi setiap 1000

kelahiran hidup pada tahun 1963 (Tiun Ling Ta 1999). Penurunan ini selaras dengan usaha meningkatkan taraf hidup kesihatan penduduk melalui usaha pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit. Sebanyak 31 buah pusat kesihatan, 132 pusat kesihatan kecil dan 645 buah klinik bidan telah dibina sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 (Malaysia 1961).

Selepas merdeka, kerajaan Tanah Melayu telah melaksanakan beberapa rancangan pembangunan untuk memajukan ekonominya. Melalui rancangan-rancangan lima tahun yang dilaksanakan, negara telah memasuki era pembangunan ekonomi, politik, sosial dan pentadbiran. Sesungguhnya rancangan tersebut telah mendatangkan hasil yang dapat dilihat hingga ke hari ini. Di bawah ini adalah turutan rancangan-rancangan yang telah dijayakan oleh kerajaan kita yang dinamis, pragmatik dan adil.

### **RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN LIMA TAHUN MALAYSIA**

**Rancangan Malaysia Pertama (RM 1) {1956-1960}**



**Rancangan Malaya Kedua (RM 2 ) {1961-1965}**



**Rancangan Malaysia Pertama (RMP) {1966-1970}**

- bertujuan untuk mengatasi pelbagai masalah ekonomi dan sosial yang mewujudkan jurang pendapatan antara kaum dengan mewujudkan lebih banyak peluang pendidikan dan pekerjaan kepada penduduk (Malaysia 1971)



### **DASAR EKONOMI BARU**

**Rancangan Malaysia Kedua ( RMK ) {1971-1975}**

**Rancangan Malaysia Ketiga ( RMT ) {1976-1980}**

**Rancangan Malaysia Keempat (RME) {1981-1985}**

**Rancangan Malaysia Kelima ( RML ) {1986-1990}**



### **Rancangan Malaysia Keenam (RM6) {1991-1995}**

Tujuan utama rancangan-rancangan pembangunan di atas adalah untuk mempelbagaikan ekonomi bagi mengurangkan pergantungan kepada getah dan bijih timah, memperseimbangkan pembangunan ekonomi antara kawasan luar bandar dan bandar, dan memperseimbangkan kedudukan sosioekonomi antara kaum dan seterusnya mencapai perpaduan negara.

Di samping itu, beberapa agensi juga telah ditubuhkan di sepanjang pelaksanaan rancangan ini seperti Lembaga Pemasaran Hasil Pertanian(FAMA), FELCRA, MARDI, MARA, FIDA, Koperasi Luar Bandar, Bank Pertanian Malaysia dan Bank Bumiputera. Melalui rancangan-rancangan ini, terbukti rakyat telah dapat hidup aman dan harmoni antara kaum. Selain itu, kemudahan bekalan elektrik juga telah diperluaskan kepada 42,000 buah keluarga dalam jangka masa RMP (1961 – 1965) dan 51,750 buah keluarga lagi dalam Rancangan Malaysia Kedua (RMK) 1966 – 1970. Bekalan air bersih juga berjaya disalurkan kepada 1.15 juta penduduk dalam jangka masa yang sama (Malaysia 1970).

Seterusnya Rancangan Malaysia Kedua (RMK) pula dianggap sebagai kemunculan falsafah baru dalam pembangunan Malaysia. RMK lebih memberi perhatian kepada isu sosioekonomi negara dan tidak hanya memberi gambaran pemikiran ahli ekonomi semata-semata seperti dasar pembangunan terdahulu (Mohd Nor 1981). Dalam RMK, satu pertiga daripada keseluruhan sekolah rendah bantuan penuh kerajaan dan separuh daripada sekolah menengah di

Semenanjung Malaysia telah dibina di luar bandar. Pendidikan percuma telah disediakan kepada semua pelajar sehingga ke peringkat menengah rendah. Di Semenanjung Malaysia, sebanyak 55% daripada 70% pelajar yang mendaftar ke sekolah menengah adalah mereka yang datangnya dari luar bandar (Malaysia 1970). Kegiatan ekonomi juga dipelbagaikan dengan beralih kepada sektor perindustrian di samping menggalakkan penglibatan kaum Bumiputera/Melayu terlibat di bidang perdagangan dan perindustrian selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) (Lim 1973). Kadar pengangguran penduduk khasnya di kalangan Bumiputera juga berjaya diturunkan daripada 8.1% pada tahun 1970 kepada 5.3% pada tahun 1980 (Malaysia 1981).

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976–1980), terdapat perubahan asas dalam strategi pembangunan negara di mana keharmonian, perpaduan dan keselamatan negara telah dilihat sebagai isu penting di dalam pembangunan negara. Di samping itu, penilaian kemiskinan juga telah digunakan sebagai ukuran bagi menentukan peruntukan pembangunan. Kadar kemiskinan telah berjaya dikurangkan dari 49.3% pada tahun 1970 kepada 29.2% pada tahun 1980 dan kepada 16.7% menjelang tahun 1990. Jurang taburan pendapatan juga berjaya dirapatkan di mana menjelang tahun 1979, pendapatan penduduk Bumiputera/Melayu telah meningkat kepada 67.3% daripada 65.2% pada tahun 1970. Purata pendapatan penduduk Cina pula telah menurun sebanyak 5% dan penduduk India sebanyak 3% berbanding tahun 1970. Pada tahun 1991 pula, jumlah penduduk yang celek huruf telah berjaya ditingkatkan kepada 85% selaras dengan dasar pendidikan yang menyediakan peluang pendidikan percuma kepada semua penduduk yang berumur 7 tahun ke atas, sekurang-kurangnya sehingga ke peringkat menengah rendah (Malaysia 1991).

Secara keseluruhannya, pembangunan telah berjaya meningkatkan taraf hidup penduduk di negara ini. Berdasarkan kepada Laporan Pembangunan Manusia 1997, Indeks Pembangunan Manusia (HDI) di negara ini telah meningkat dengan ketara sejak tahun 1960 dan hanya berada di bawah negara Singapura bagi

negara-negara di Asia Tenggara. Indeks ini telah meningkat daripada 0.5 pada tahun 1960 kepada 0.83 pada tahun 1994. Malaysia juga telah berada dalam kategori negara-negara yang mengalami pembangunan tenaga manusia yang tinggi, iaitu pada kedudukan ke 60 dalam susunan HDI Rancangan Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu daripada sejumlah 175 buah negara di seluruh dunia (UNDP 1997). Manakala dari aspek Keluaran Negara Kasar (KNK), Malaysia hanya berada di belakang Singapura sekiranya negara di rantau Asia Tenggara digunakan sebagai perbandingan.

Pada masa sekarang, Malaysia telah mencapai tahap yang amat membanggakan dari segi kemajuan ekonomi, sosial, politik, pentadbiran, komunikasi dan lain-lain lagi. Kemajuan ini terbina oleh hasil usaha gigih pemimpin-pemimpin yang terdahulu dan sekarang yang tidak pernah kenal erti jemu serta tabah dalam menghadapi segala kesulitan. Keupayaan para pemimpin negara dalam mentadbir negara mengikut acuannya sendiri amatlah kagumi. Formula yang digunakan untuk mentadbir negara ini telah mendatangkan hasil yang perlu disyukuri oleh semua pihak. Di bawah ini adalah bukti-buktii bahawa Malaysia telah membuka mata dunia akan keupayaan serta kepakarannya di dalam pelbagai bidang.

Misalnya kepakaran dari segi pembuatan kereta dan motorsikal. Jika ditinjau pada dekad 80an, Malaysia merupakan sebuah negara yang baru pulih daripada kegawatan ekonomi dan masih berada di dalam kalangan negara membangun dunia. Justeru itu, pelbagai usaha cuba dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara industri. Inspirasi awal ditimbulkan oleh Dr. Mahathir yang bercita-cita tinggi untuk mengeluarkan kereta buatan sendiri. Pada peringkat awal, cita-cita beliau telah menimbulkan perasaan tidak yakin dan ragu-ragu di kalangan rakyat. Ini kerana pada masa itu, kepakaran Malaysia dalam bidang pembuatan kereta amatlah terhad.

Justeru itu, bagi mengatasi masalah kekurangan kepakaran, Malaysia telah berkongsi pengalaman dengan negara Jepun bagi mengeluarkan kereta sendiri.

Perkongsian kepakaran ini telah membawa hasil. Pada tahun 1985, maka muncullah kereta pertama negara yang diberi nama Proton Saga. Kewujudan Proton Saga yang dipertontonkan kepada umum melalui kaca televisyen serta media-massa yang lain telah membuka mata rakyat bahawa Malaysia mampu mengeluarkan kereta buatan sendiri. Ramai orang berasa kagum dengan kejayaan Dr. Mahathir merealisasikan kereta buatan Malaysia itu.

Hingga kini, negara telah mengeluarkan pelbagai jenis kereta Proton Saga yang diberi nama seperti Iswara, Satria, Perdana dan Wira. Kejayaan ini membanggakan rakyat Malaysia. Selain itu, Malaysia juga telah mengeluarkan motosikal buatan sendiri yang diberi nama Kriss dan Jaguh. Pencapaian Malaysia mengeluarkan kereta dan motorsikal sendiri telah membuka mata dunia akan kebolehan rakyat Malaysia itu sendiri.

Dalam hal yang lain, bagi mengimbangi ekonomi negara dengan rakyat, dasar penswastaan dan persyarikatan telah dilaksanakan. Dasar penswastaan ini penting untuk menjadikan sesuatu perkhidmatan menjadi lebih baik dan tidak perlu bergantung dengan kerajaan. Contohnya badan-badan perkhidmatan yang telah diswastakan ialah Lembaga Letrik Negara yang kini dikenali sebagai Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Telekom Malaysia yang kini dikenali sebagai Telekom Malaysia, Permodalan Nasional Berhad dan lain-lain lagi. Dasar penswastaan dan persyarikatan ini secara tidak langsung memberi peluang kepada rakyat untuk mentadbir sesuatu organisasi dengan lebih cekap, cepat dan efisien. Secara tidak langsung, dasar ini memberi keyakinan kepada rakyat untuk mentadbir dengan lebih baik setanding dengan negara-negara lain.

Selain itu, abad ke 21 telah menjanjikan permintaan dan cabaran yang tinggi dalam bidang telekomunikasi. Pembangunan prasarana telekomunikasi negara dianggap memasuki era kritikal terutamanya ketika Malaysia sedang memperkemaskan diri sebagai pusat teknologi maklumat yang canggih. Melihat kepada keupayaan dan keberkesanannya telekomunikasi tersebut, Malaysia sendiri telah mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC) beberapa tahun yang lalu.

MSC diharap dapat menjadi jambatan global yang menghubungkan negara kita dengan era maklumat.

Di samping itu, pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru di Putrajaya telah dirasmikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada bulan Julai 1998, mula beroperasi sebagai kerajaan elektronik yang menghubungkan terus dengan negara ASEAN, Amerika Utara, Eropah dan Jepun. Sistem perkhidmatan awam juga turut mengalami penyusunan semula dengan membolehkan setiap warganegara berinteraksi secara langsung dengan Agensi-agensi kerajaan melalui kemudahan Teknologi Maklumat.

Jika diteliti, pembinaan pusat Bandaraya Pintar (CyberJaya) dan Pusat Pentadbiran Negara di Putrajaya amat tepat pada masanya ketika negara menuju ke alaf baru. Ia adalah sebahagian daripada projek Multimedia Supercorridor (MSC) yang antara lain objektif penubuhan MSC ialah ianya sebagai pusat teleperubatan elektronik, sekolah bestari, pusat pembangunan dan penyelidikan, pusat pemasaran tanpa sempadan dan tempat penggunaan kad pintar. Bangunan Kuala Lumpur City-Centre (KLCC) yang ada sekarang pula menjadi penghubung di antara bandar Kuala Lumpur dengan Cyberjaya di Dengkil, Selangor.

Untuk memajukan sistem komunikasi penyiaran radio televisyen negara pula, maka wujudlah Menara Kuala Lumpur. Menara ini adalah bangunan tertinggi di Asia dan keempat di dunia. Ketinggiannya ialah 421 meter. Fungsinya sebagai stesen transmisi bagi telekomunikasi Malaysia. Pembinaan Menara Kuala Lumpur di atas Bukit Nenas dirasakan amat penting oleh pemimpin negara iaitu Dr. Mahathir. Beliau merasakan bahawa pada masa depan, rakyat memerlukan kepantasan dari segi komunikasi memandangkan pencapaian kemajuan sesebuah bangsa diukur berdasarkan kepada penguasaan teknologi maklumat.

Kini rakyat Malaysia boleh berbangga dengan kemajuan yang telah dicapai. Rakyat Malaysia tidak perlu berasa rendah diri dengan negara lain kerana

negara kita setanding dengan negara maju dan perlu diiktiraf oleh mereka sebagai yang terbaik. Ini bukanlah perkara untuk menunjuk-nunjuk tetapi adalah sebagai dorongan untuk rakyat Malaysia bahawa mereka sekarang boleh melakukan apa sahaja untuk berjaya.

## 2.9 Kritikan-Kritikan Terhadap Pembangunan Negara Malaysia

a. Dalam ucapan Dr. Chandra Muzaffar di Persidangan Tahunan Parti KeADILan pada 10 September 2002 bertajuk, "Menggarap Perubahan Politik" telah menyatakan bahawa, selain daripada politik paternalisme, **corak pembangunan yang tidak seimbang dan tidak setara** juga bertanggungjawab ke atas perubahan politik yang mencabar dewasa ini. Walaupun kerajaan telah berjaya mengurangkan kemiskinan mutlak dan mengubah struktur sosial sehingga kelas menengah menjadi kelas utama dalam struktur masyarakat, prestasinya dalam mengagihkan kekayaan negara secara adil dan saksama masih kurang memuaskan. Malah kata beliau, sejak 1990, jurang perbezaan pendapatan antara yang terkaya dan yang termiskin semakin luas, seperti mana terbukti dalam *gini-coefficient* iaitu kaedah yang digunakan untuk mengukur jurang perbezaan pendapatan. Pada tahun 1990 *gini-coefficient* ialah 0.446; pada tahun 1993 ialah 0.459; pada 1997 ialah 0.462 dan pada 1997 ialah 0.470. Ini bermakna dalam tempoh 7 tahun, jurang perbezaan antara yang terkaya dan yang termiskin bertambah luas.

Katanya lagi, lebih daripada statik, adalah ketara bahawa golongan atasan, ataupun elit negara mencapai lebih banyak faedah daripada proses pembangunan daripada golongan-golongan lain seperti mana juga ahli-ahli korporat mendapat lebih banyak manfaat daripada pertumbuhan ekonomi daripada pekerja-pekerja biasa, baik di sektor awam mahu pun di sektor swasta. Pada hakikatnya, ketidakseimbangan ini juga dicerminkan dalam corak pembangunan di mana kawasan-kawasan tertentu jauh lebih maju daripada kawasan-kawasan yang lain, terutamanya kawasan-kawasan pendalaman di

Semenanjung Malaysia dan kawasan-kawasan desa di Sabah dan Sarawak. Oleh kerana ketidakseimbangan ekonomi dan sosial lebih ketara sekarang, sebahagian daripada kelas pekerja dan golongan-golongan masyarakat yang dipinggirkan oleh arus pembangunan mula berasa bahawa kerajaan kurang adil terhadap mereka. Ini yang mengakibatkan politik protes di kalangan sebahagian besar pekerja Melayu di bandar khususnya.

Selain itu katanya, politik paternalisme dan pembangunan yang tidak seimbang telah mengakibatkan politik protes atas satu sebab lain. Bagi kelas menengah mahu pun kelas pekerja, gaya hidup (*life-style*) dan rasuah di kalangan elit juga menimbulkan kemarahan. Elit yang tamak haloba, yang boros dan yang runtuh akhlaknya sudah tentu akan menjadi sasaran rakyat yang terpinggir dan terabai. Apatah lagi sekiranya elit tersebut terlibat dalam rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

b. **Transparency International**, contohnya pernah menyatakan bahawa proses rasuah di Malaysia selalunya bermula di peringkat atasan. Malah, menurut kajian badan tersebut yang menggunakan tidak kurang sebelas jenis perangkaan yang dikumpulkan secara berkecuali oleh badan-badan penyelidikan sedunia menyatakan Malaysia merupakan negara yang agak corot dalam senarai rasuah sedunia. **Gallup International** pula mendapati bahawa rasuah juga diberikan oleh para peniaga Malaysia dalam mendapatkan kontrak di luar negara. Gejala rasuah adalah antara eksport Malaysia ke negara-negara dunia ketiga.

Ini menunjukkan rasuah sudah terlalu menular dan terlalu kerap hingga ianya menjadi kebiasaan. Mana-mana rakyat yang mendengar berita penangkapan itu dan ini oleh BPR, tahu bahawa yang kena cekup itu biasanya musuh politik orang tertentu dalam pemerintahan negara yang perlu "dimusnahkan" demi kepentingan politik dan peribadi. Ikan jerung yang membaham manusia jarang sekali diserkup oleh BPR, tetapi ikan bilis yang makan cacing selalu pula dimangsakan demi menjadi "bukti" keberkesanan BPR.

Pernah suatu ketika, beberapa anggota Pemuda Keadilan telah mencuba untuk mendapatkan terbitan BPR bagi tujuan penyelidikan. Tetapi jawapan yang diberikan cukup menyedihkan. Pegawai-pegawai BPR yang dihubungi seakan-akan takut dengan bayang-bayang sendiri. Mereka gusar untuk berkongsi penerbitan dan laporan yang merupakan bahan umum dan bukannya termasuk dalam rahsia kerajaan. Mungkin mereka juga sedar bahawa kerja yang dilakukan itu bukanlah pembanterasan rasuah secara serius, sebaliknya sandiwara.

c. S.Jayasankaran (2001) dalam rencananya di Minda Rakyat bertajuk, "*Bebanan Negara*" telah mengulas panjang tentang prospek penswastaan negara Malaysia dan di antaranya ialah:

- rancangan penswastaan Malaysia yang dilancarkan dua tahun yang lalu telah diusulkan dengan tujuan untuk melompat ke hadapan agar mampu bertapak di gelanggang Dunia Utama dan memperbaiki statusnya di Dunia Ketiga. Tetapi, sejak krisis ekonomi yang melanda rantau Asia, beberapa ribu projek penswastaan yang berbentuk mega telah dimiliknegarakan semula dengan kesannya yang memudaratkan pembayar cukai kerana kos yang bernilai puluhan billion ringgit banyaknya dan hutang berlapuk yang tidak terlangsai; dan
- pada bulan Disember (2000) sahaja katanya, kerajaan telah menjanjikan 7.8 bilion ringgit untuk membeli balik dua syarikat aliran transit ringan yang mempunyai beban hutang yang berat dan juga sebanyak 29% saham dalam Malaysian Airlines (MAS), syarikat penerbangan negara yang sedang nazak keadaan kewangannya. Usaha membeli balik itu walaupun sudah memang dijangkakan, telah mencetuskan satu kerisauan terhadap dasar penswastaan negara yang diadun mengikut acuan tersendiri. Kini timbul satu anggapan yang jelas adalah bukan menjadi satu masalah untuk gagal menguruskan projek yang besar-besar kerana kerajaan boleh dijadikan tempat bagi mereka bersandar.

S. Jayasankaran (2001) juga menyatakan bahawa ramai pengkritik berpendapat bahawa usaha penswastaan kerajaan Malaysia itu bermula dengan langkah yang sumbang pada 1983 dulu. Terlalu banyak projek yang diberikan berasaskan pilihan politik tanpa saingen terbuka. Lagi pun, sekitar 1990an dulu, kaedah penilaian projek dilakukan dengan penuh kepalsuan. Kerja-kerja penaksiran sengaja digembar-gemburkan, selari dengan kemudahan kredit bank yang dipermudahkan. Ketika krisis ekonomi memuncak pada 1997, Kuala Lumpur berikrar untuk memperbaiki keadaan. Namun, kerajaan terus memberikan projek yang mewah dan berbentuk mega kepada syarikat yang mempunyai hubungan politik tetapi mempunyai pengalaman yang kurang dalam bisnes yang difaraidkan itu. Para pegawai yang bertanggungjawab masih lagi tidak mahu mendengar suara rakyat marhaen seperti yang pernah mereka janjikan.

Di samping itu, tidak ada seorang pun usahawan atau tokoh korporat yang terlibat di dalam penswastaan yang didakwa ataupun diaibkan kerana kegagalan mereka. Contohnya, tokoh korporat yang membina sistem rel transit ringan pada asalnya dan dibantu pula oleh kerajaan setelah kerugian, masih lagi merupakan kumpulan yang dicadangkan untuk menguruskan usaha itu. Misalnya, Syarikat Tan Sri Tajuddin Ramli (MHS kemudiannya Naluri) yang membeli saham MAS dulu dengan harga 8 ringgit se saham pada tahun 1992, telah dibayar dengan harga yang sama oleh kerajaan pada tahun 2000 untuk melepaskan saham itu, atas nama 'kesaksamaan'. Tindakan ini dianggap sebagai satu tindakan yang tidak masuk akal. Kerajaan telah sengaja melupakan bayaran dividen yang dikeluarkan ketika MAS meraih keuntungan. Begitu juga dengan kerugian MAS sebanyak lebih satu billion ringgit di antara 1998 hingga 2000, hutang berlapuk sebanyak 8 bilion ringgit dan harga saham masa kini sekitar 3 ringgit (S.Jayasankaran 2001).

Tindakan menyelamatkan MAS itu telah mencetuskan sanggahan yang meluas sehingga disiarkan oleh media tempatan yang selama ini memang mudah bersikap dingin. Kesannya, kerajaan terpaksa bersikap "bertahan" seperti yang dinyatakan oleh Jomo K. S. iaitu seorang pakar ekonomi dan pengkritik keras penswastaan.

- d. Sekiranya diperhatikan, setiap kali direncana penganjuran persidangan antarabangsa, pembikinan bangunan yang baru turut diambil kira. Itulah yang berlaku ketika pembikinan Perkampungan Sukan Komenwel dulu pada tahun 1998 dan akhirnya bangunan yang sudah terbina itu tidak digunakan sangat selepas itu. Kalau digunakan pun, kos sewanya begitu tinggi sekali sehinggakan badan sukan negara sanggup mengenepikannya. Bangunan ini pun akan terus terbengkalai untuk mereput kerana kekurangan usaha penyeliaannya.
- e. Y.B. Haji Abd Rahman Yusof, Ahli Parlimen Kemaman semasa perbahasan Belanjawan 2002 pada 25 Oktober 2001 menyatakan keimbangan beliau terhadap kepincangan yang melanda negara yang menghadapi kegawatan dan kemelesetan ekonomi yang berterusan dan berpanjangan akibat daripada pelbagai skandal kewangan, pembaziran, kegagalan, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, rasuah, ketidakcekapan dan kelemahan dalam pengurusan dan pentadbiran kewangan dan ekonomi negara yang menimbulkan pelbagai masalah kronik yang tidak dapat diselesaikan. Dengan perkembangan muktakhir kegawatan politik global di mana Pusat Perdagangan Dunia (WTC) dan Pusat Pertahanan Amerika Syarikat (Pentagon) diserang, Afghanistan pula telah diserang oleh Amerika Syarikat bersama sekutu-sekutunya tanpa sebab munasabah maka, akibatnya kemuraman ekonomi negara dijangkakan berpanjangan lagi. Walaupun Perdana Menteri menjanjikan pemulihan ekonomi semenjak pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim dari Kerajaan pada 2 September 1998 dalam masa 3 bulan, kemudian 6 bulan tetapi sehingga kini sudah melebihi 3 tahun tidak ada sebarang tanda ekonomi negara akan pulih malah makin parah sedang rakyat dikhayalkan kononnya ekonomi amat memberangsangkan.

Katanya lagi, rakyat dimaklumkan bahawa kerajaan mempunyai perancangan dan perencanaan ekonomi yang memberangsangkan tetapi apa yang berlaku ialah penggunaan wang rakyat yang begitu besar untuk menyelamatkan syarikat-syarikat kroni kepimpinan negara dan UMNO. Rakyat diberitahu pengurusan ekonomi negara lebih baik dari negara jiran tetapi Indonesia telah mengambil langkah berjimat cermat dan berhemah dengan membentangkan belanjawan defisit hanya 2.5 % untuk tahun 2002 berbanding dengan lebih daripada 5% yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan kita pada minggu lepas.

Beliau menambah bahawa rakyat telah dimaklumkan bahawa kerajaan bertegas untuk menghapuskan rasuah dan penyelewengan tetapi Perdana Menteri sendiri mengumumkan bahawa tindakan tidak akan diambil terhadap Y.B. dari Merbuk yang juga bekas Menteri Kewangan dan juga Tan Sri Halim Saad yang melakukan pelbagai jenayah korporat, rasuah, penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa sedangkan bekas Presiden Filipina Joseph Estrada dihadapkan ke muka pengadilan kerana terlibat dengan rasuah hanya US\$ 7 juta bersamaan dengan RM26.6 juta sahaja.

Rakyat juga diberitahu bahawa penswastaan menguntungkan rakyat dan kerajaan sedangkan kerajaan menggunakan puluhan dan mungkin sudah mencecah ratusan billion ringgit untuk menyelamatkan syarikat-syarikat gergasi UMNO dan kroni kepimpinan negara seperti Maminco, Indah Water Konsortium, MAS, Time.Dot.Com, Ekran, Perwaja, Hottick Investment Incorporation, Konsortium Perkapalan, Maju Holdings, Proton, Bank Bumiputera, Kumpulan Renong/UEM, Phileo Allied, dan banyak lagi. Selepas 'fiasco' dengan izin Kumpulan Renong/UEM, difahamkan 29 lagi syarikat yang berhubungkait dengan UMNO dan kepimpinan negara termasuk Kumpulan Lion yang mana anak Perdana Menteri mempunyai kepentingan akan diselamatkan pula yang mungkin melibatkan wang simpanan rakyat dan kerajaan sebanyak RM30 billion lagi.

Tetapi malang bagi rakyat Malaysia katanya, pemerintahan 20 tahun kebelakangan ini diselubungi penuh dengan sejarah kegagalan, tamak, haloba, rasuah, ego dan kebodohan. Empangan, bangunan-bangunan termasuk bangunan tertinggi di dunia, litar formula satu, jambatan dan jejambat, lebuhraya dan jalanraya, Putrajaya dan pelbagai projek mega dan mewah yang membazir dan tidak diperlukan telah dibina. Perkhidmatan sosial terutamanya kesihatan dan pelajaran diabaikan. Penuntut yang sepatutnya diasas berwawasan ditekan dan ditindas. Pensyarah yang diharapkan dapat memberi pandangan dan pendapat yang membina dengan bebas bersesuaian dengan pengetahuan mereka dikongkong dan ditindas sekirannya tidak sehaluan dengan kerajaan. Media yang sepatutnya membina minda rakyat untuk mengharungi era teknologi maklumat dikongkong dan dimanipulasikan. Jelas kerajaan sudah hilang kewarasian dan hala-tuju.

f. Y.B. Tuan Haji Husam Bin Musa, Ahli Parlimen Kubang Kerian semasa membahaskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga telah mengulas mengenai keberkesanan projek penswastaan dan juga projek mega negara. Di antaranya beliau memberikan contoh Dewan Orkestra Petronas ataupun apa dikenali sebagai *Dewan Filharmonic*, Petronas bertempat di KLCC. Petronas sendiri telah mengelaskannya sebagai di antara dewan orkestra yang terulung di dunia. Dewannya besar, indah, moden, dilengkapi bilik eksklusif VIP dan bersebelah ruang menikmati muzik bagi mereka yang diatur bertingkat-tingkat.

Kos pembinaan dewan ini sahaja katanya berjumlah USD100 juta tidak termasuk kelengkapannya. Kelengkapan semua sekali USD50 juta, bermakna lebih kurang setengah bilion ringgit digunakan hanya untuk satu Dewan Orkestra bagi pemimpin-pemimpin kita menikmati muzik yang indah sedangkan pada masa yang sama, sebahagian daripada rakyat kita masih lagi perut mereka bermain dengan muzik keroncong.

Katanya lagi, oleh kerana hendak menjayakan dewan orkestra ini, satu kumpulan *Orchestra Filharmonic* telah ditubuhkan. Di kalangan 70 orang daripada 100 orang pemuziknya adalah orang asing dan gaji mereka setiap seorang minimum ialah USD4,000 tetapi dua orang sahaja yang empat ribu, yang lain minimum ialah USD5,000. Mereka ditempatkan di satu kondominium mewah di Jalan Ampang yang dimiliki oleh Tan Sri Halim Saad dan Petronas membayarnya. Bagi tiap-tiap seorang ada satu bilik yang eksklusif dan bagi yang tidak ada kereta sendiri, mereka disediakan limo.

Bayangkan berapakah kos yang ditanggung oleh negara bagi satu tahun untuk menjayakan dewan ini? Kita boleh mempunyai dewan muzik ini tetapi memang ada lagi rakyat yang susah, yang betul-betul miskin, yang betul-betul terlantar dan kita mesti menggunakan sumber kewangan negara kita dengan bijaksana dan dengan saksama.

g. Contoh yang lain, menurut Y.B. Tuan Haji Husam Bin Musa ialah pembinaan pusat pameran dan konvensyen (NECC) baru berharga RM1.2 bilion di Subang melalui Kementerian Pengangkutan dan juga Malaysia Airport Berhad yang akan mempunyai satu pusat persidangan yang mempunyai 14 dewan dan setiap satu dewan boleh memuatkan 10,000 hingga 15,000 orang. Keluasan lantainya ialah 1 juta meter persegi.

Persoalannya, apakah alasan untuk membina dewan ini? Seperti yang disebut dalam kenyataan akhbar Tan Sri Basir, Pengurus Malaysia Airport Berhad, satu alasan sahaja, bukan ekonomi, bukan apa, tetapi alasannya adalah di negara kita belum ada pusat pameran *Boeing 747* yang boleh mendarat di depan pintu. Sekarang kita sudah ada di MINES. Kita sudah ada di PWTC, kita sudah ada Sunway, kita juga telah ada pusat pameran di Langkawi, *Malaysia International Exhibition and Convention Center* (MINES) iaitu satu pusat pameran yang besar. Kita telah ada ini semua dan kita tahu sekarang ekonomi negara adalah lembab.

Ini adalah di antara kritikan-kritikan yang sempat diutarakan bagi tujuan kertas kajian ini. Sekiranya ditinjau, kebanyakan kritikan-kritikan tersebut bukanlah hanya bercakap kosong sahaja tetapi diikuti dengan bukti-bukti yang kukuh serta ada juga yang dibentangkan untuk ulasan Kementerian yang berkenaan di Dewan Rakyat. Walau apapun kritikan yang diberikan, ia adalah untuk kepentingan rakyat dan bukannya untuk kepentingan politik sesetengah pihak. Sebagai negara demokrasi, kita sepatutnya menerima kritikan dengan senang hati demi untuk menghasilkan sesuatu yang lebih baik lagi pada masa hadapan.

## **2.10 Kesan Campur Tangan Kerajaan Di Dalam Pembangunan Negara Malaysia**

### **I. Kewujudan Kelas Menengah Melayu (*Malay Middle Class*)**

Andaya, Barbara W. dan Leonard Y. Andaya (1982) menyatakan bahawa golongan marginal seperti kelas menengah memainkan peranan utama dalam politik Malaysia semenjak zaman kolonial lagi. Tiga elemen utama yang menggerakkan semangat nasionalis Melayu pada zaman kolonial ialah golongan yang mendapat pendidikan Inggeris, golongan yang mendapat pendidikan agama dan golongan yang mendapat pendidikan aliran Melayu. Kecuali golongan berpendidikan Inggeris, dua golongan lagi iaitu reformis agama dan inteligensia Melayu seperti Ishak Hj. Mohamad, Dr. Burhanuddin Helmy, Ibrahim Yakob dan lain-lain adalah terdiri daripada golongan kelas menengah. Merekalah yang melahirkan pandangan-pandangan yang kritikal terhadap rupa bentuk masyarakat Melayu dan idea-idea tentang kemerdekaan yang disalurkan ke peringkat massa.

William R. Roff (1994) pula mengatakan bahawa,

*"... anti-colonial nationalis ideology could neither be articulated by peasantry owing to their narrow experience and outlook, as well as lack of literacy and*

*organization capabilities, nor by their feudal aristocracy who largely allied to colonial order. This task was shouldered by others from the educated middle strata, the intelligentsia, whose education, social position and ideology predisposed them to nationalism. The Arab-educated reformists and Malay-educated intelligentsia espoused anti-colonial nationalism, while few western English-educated elite in the main were often the mouthpieces of more conservative nationalism".*

Jomo K.S. (1999) menyatakan bahawa, di atas beberapa sebab tertentu, elit berpendidikan Inggeris mampu menguasai kepimpinan UMNO yang ditubuhkan pada tahun 1946 dan memaksa pihak British menyerahkan kemerdekaan pada tahun 1957 kepada mereka. Golongan kelas menengah yang lebih radikal daripada gerakan nasionalis muncul pada dekad 50an dalam bentuk beberapa pertubuhan yang bersifat idealogi tetapi dihapuskan oleh regim secara kekerasan pada dekad 60an. Di tahun-tahun 70an dan 80an katanya, kelas menengah terus mempromosikan idea dan imaginasi tentang rupa bentuk masyarakat Malaysia secara berterusan, khususnya bila Angkatan Belia Islam (ABIM) ditubuhkan. Idea mereka ternyata diterima oleh masyarakat dan pihak pemerintah terutama di tahun-tahun 80an apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim dibawa masuk ke dalam UMNO dan kerajaan terlibat secara aktif dalam memperkenal dan membangunkan beberapa polisi berunsur Islam seperti penerapan nilai-nilai Islam dan sebagainya.

Jesudason James V. (1996) berkata, pembangunan ekonomi yang pesat semenjak DEB dilancarkan menjadikan golongan kelas menengah semakin besar, iaitu daripada 20 % daripada keseluruhan tenaga kerja pada tahun 1970 kepada 33.5 % daripada keseluruhan tenaga kerja pada tahun 1993. Sementara itu kelas pekerja industri pula bertambah dari 11.6 % daripada keseluruhan jumlah tenaga kerja pada tahun 1970 kepada 28.4 % dalam tahun yang sama. Kehadiran mereka dalam arus politik Malaysia pula dapat dilihat menerusi kemunculan pelbagai kumpulan NGO seperti yang disebutkan sebelum ini.

Merekalah yang lantang mengkritik pihak kerajaan dalam krisis pada penghujung dekad 80an sehingga ramai di antara mereka yang ditahan di bawah ISA. Namun begitu, kekerasan tidak menghalang semangat mereka dan ada antaranya yang secara konsisten dan serius dalam memperjuangkan aspek demokrasi dan hak asasi manusia misalnya seperti Aliran, EPSM dan Suaram. Mereka bergerak aktif dalam penyebaran idea-idea baru menerusi penerbitan, forum, diskusi, diolog dan sebagainya. Kejayaan mereka dalam mendesak perubahan polisi yang "*moderate*" dan positif dapat dilihat menerusi penggubalan Akta Keganasan Rumah Tangga yang telah diluluskan oleh Parlimen pada bulan Mei 1994.

Walaupun terdapat banyak kelemahan dan kesilapan yang dilakukan oleh pihak kerajaan, penentangan golongan kelas menengah tidaklah begitu menonjol seperti sekarang. Ini mungkin kerana Datuk Seri Anwar Ibrahim yang masih dilihat oleh sebilangan besar anggota kelas menengah (mewakili mereka) mampu membuat perubahan ke arah lebih positif apabila berkuasa kelak. Namun semua itu mula berubah apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat oleh Dr. Mahathir sewaktu krisis 1998. Datuk Seri Anwar dituduh dan dijatuhan hukuman bersalah dengan alasan mengamalkan seks luar tabie (liwat), mengamalkan korupsi dan menjadi agen asing.

## **II. Kewujudan Kelas Kapitalis Melayu**

Muhamamad Asri Mohd Ali (1999) menyatakan bahawa peristiwa rusuhan kaum yang berlaku pada tahun 1969 memaksa elit UMNO mengubah strategi pembangunan daripada berorientasikan pasaran kepada peningkatan campur tangan kerajaan dalam pengurusan ekonomi. DEB yang diperkenalkan pada tahun 1970an mencerminkan perubahan strategi tersebut. Menerusi pelaksanaan DEB, UMNO/BN berhasrat melahirkan **Komuniti Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (BCIC)** untuk menyaingi kelas kapitalis daripada kaum bukan bumiputera. Secara ringkas, sewaktu rusuhan kaum pada tahun

1969, etnik Melayu secara keseluruhan hanya memiliki 1.5% daripada keseluruhan pemilikan modal saham dalam syarikat-syarikat yang beroperasi di Malaysia. Sementara masyarakat Cina memiliki hampir 23% dan selebihnya dikuasai oleh syarikat multinasional dan warga asing. Kepada pemimpin UMNO, ketidakseimbangan dalam pemilikan modal dan ekuiti tersebut merupakan salah satu sebab berlakunya rusuhan kaum.

Bertolak daripada andaian tersebut, para pemimpin UMNO mempergiatkan usaha untuk menjayakan kelahiran BCIC atau kelas kapitalis Melayu. Berbekalkan jentera kerajaan seperti perusahaan awam, pemberian kontrak, kemudahan kredit, tawaran saham khas untuk bumiputera, pemberian maklumat dalaman dan sebagainya, satu golongan **kelas kapitalis Melayu** berjaya dihasilkan oleh UMNO dalam masa hanya satu dekad. Antaranya ialah seperti Tun Daim Zainuddin, Tan Sri Wan Azmi Hamzah, Tan Sri Halim Saad, Tan Sri Tajuddin Ramli dan beberapa nama lain. Aktiviti memperbesarkan kelas kapitalis Melayu walau bagaimanapun terbantut seketika terutama pada tahun 1985 dan 1986 apabila ekonomi Malaysia dilanda kemesetan akibat kejatuhan harga barang komoditi di pasaran dunia pada waktu itu. Kemelesetan ekonomi yang berlaku telah membawa kepada krisis politik dalaman yang serius kepada UMNO (Muhamamad Asri Mohd Ali 1999).

Harold Crouch (1996) menyatakan bahawa kemerosotan ekonomi menyebabkan tidak banyak sumber dapat diagihkan, hanya kumpulan yang berada di bawah naungan Tun Daim (Menteri Kewangan dari 1984 hingga 1991) yang masih terus diberikan keutamaan dan kelas kapitalis Melayu yang lain diabaikan. Seorang pemerhati politik mengulas,

*"when the economy was booming in the 1970s and as early 1980s, they received substantial benefits. But once austerity measures were adopted in mid-1980s, patron were no longer in position to distribute the same amount of largesse to all their clients. As a results, many new businesspeople faced the prospect of*

*bankruptcy. This life or death struggle between endangered business people fueled UMNO split in the late 80s".*

Mereka yang diabaikan daripada polisi pengagihan mengambil sikap bergabung di bawah kepimpinan Tengku Razaleigh dan memaksa Tengku Razaleigh mencabar kepimpinan Dr. Mahathir dalam perhimpuan Agung UMNO tahun 1987. Walaupun Tengku Razaleigh kalah dalam persaingan tersebut, beliau tidak hanya berhenti setakat itu. Institusi mahkamah dan media massa digunakan untuk mencabar UMNO. Berbekalkan sokongan daripada sebilangan bekas pemimpin Majlis Tertinggi UMNO, beberapa orang bekas Menteri Kabinet, beberapa orang bekas Menteri Besar, kelas kapitalis Melayu yang disingkirkan dan segelintir kelas menengah Melayu, Tengku Razaleigh bertindak menubuhkan parti Semangat 46 (S46) dan mengadakan kerjasama dengan parti-parti pembangkang untuk mencabar UMNO/BN dalam pilihanraya umum (Muhamamad Asri Mohd Ali 1999).

Seterusnya, trend politik Malaysia mula mengalami perubahan terutama pada awal dekad 1990an apabila Tengku Razaleigh bersama parti Semangat 46 semacam berjaya menyatukan parti-parti pembangkang di Semenanjung dan juga Sabah menerusi dua gabungan iaitu Gagasan Rakyat dan Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Pilihanraya Umum Kelapan pada tahun 1990 meyaksikan BN yang di pimpin oleh UMNO mendapat saingan politik paling besar dalam sejarah perjalanan politik tanahair. Namun begitu prestasi parti-parti pembangkang dalam pilihanraya 1990 dan 1995 gagal mengatasi BN. Hanya Negeri Kelantan yang berjaya ditawan oleh pembangkang. BN bukan sahaja dapat mengekalkan majoriti dua pertiga kerusi yang dikehendaki bahkan peratusan undi popular BN turut meningkat terutama dalam pilihanraya umum kesembilan pada tahun 1995 (iaitu daripada 53.4 % kepada 65.1 %). Isu-isu yang ditimbulkan oleh pembangkang seperti keruntuhan sistem kehakiman (berikutan pemecatan kontroversi Ketua Hakim Negara, Tun Mohd Salleh Abas), kerugian Bank Negara kerana terlibat dengan kegiatan spekulasi matawang,

kerugian Perwaja Steel, skandal seks bekas Ketua Pemuda UMNO, skandal pemberian saham kepada ahli keluarga oleh Ketua Wanita UMNO dan penghinaan pemimpin UMNO terhadap undang-undang Hudud seolah-olah tidak memberi sebarang kesan kepada UMNO/BN (Muhamamad Asri Mohd Ali 1999).

Kelas kapitalis yang menyokong Tengku Razaleigh diburu dan dinafikan daripada mendapat pinjaman bank, kontrak, saham dan sebagainya sehingga memaksa ramai di antara mereka yang terpaksa gulung tikar dan tidak kurang juga yang kembali semula ke pangkuan UMNO. Pada Mei 1996, S46 dibubarkan dan Tengku Razaleigh kembali kepada UMNO. Barisan pembangkang yang dibentuk oleh beliau turut dibubarkan.

Khoo Boo Teik (1997) seterusnya menyatakan bahawa keadaan ekonomi yang semakin baik pada awal tahun-tahun 1990an berikutan dengan kebanjiran modal asing khususnya daripada Asia Timur memihak kepada UMNO dan membolehkan UMNO terus mempergiatkan usaha membangunkan kelas kapitalis Melayu, termasuk tiga orang anak lelaki Perdana Menteri. Kelas kapitalis yang dibangunkan bukan hanya terhad kepada kumpulan yang bernaung di bawah Tun Daim tetapi turut diperluaskan kepada kumpulan yang bernaung di bawah Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memegang jawatan Menteri Kewangan dari tahun 1992 hingga 1998. Nama-nama seperti Datuk Khalid Mohd, Ishak Ismail, Kamaruddin Jaafar, Kamarudin Nor, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Nazri Abdullah dan ramai lagi merupakan antara kelas kapitalis yang diketahui umum mempunyai hubungan rapat dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Dalam masa yang sama, projek-projek mega seperti Putrajaya, Cyberjaya, KLCC, projek empangan Bakun, KL Linear City, Komplek Sukan di Bukit Jalil, KLIA, litar lumba kereta Formula One di Sepang, lebuhraya bertol dan banyak lagi dibangunkan. Kumpulan kapitalis yang bernaung di bawah Datuk Seri Anwar Ibrahim walau bagaimanapun dikecualikan daripada mendapat projek-projek mega tersebut.

Far Eastern Economic Review (18/6/1998) menyatakan bahawa zaman mewah yang dinikmati pada awal dekad 1990 tidak bertahan lama. Kebanjiran modal asing yang tidak diawasi, amalan pengurusan kewangan syarikat yang suka berhutang dan sikap kerajaan yang tidak transparan dalam pemberian kontrak dan sebagainya mengheret Malaysia memasuki kancang krisis ekonomi yang melanda Asia Tenggara dan Asia Timur pada bulan Julai 1997. Krisis yang pada mulanya melibatkan penurunan dalam nilai matawang itu kemudian merebak dengan pantas menjadi krisis kejatuhan pasaran saham dan akhirnya krisis ekonomi secara keseluruhan. Kejatuhan pasaran saham secara mendadak menyebabkan banyak syarikat yang mengalami masalah hutang yang serius. Tindakan menyelamat (*bail-out*) terpaksa dilakukan oleh kerajaan menggunakan wang Petronas, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Tabung Haji dan seumpamanya ke atas syarikat-syarikat yang mempunyai hubungan rapat dengan Perdana Menteri dan Tun Daim Zainuddin untuk menggelakkan daripada bankrap. Langkah tersebut ternyata tidak menyenangkan kelas kapitalis yang bernaung di bawah Datuk Seri Anwar Ibrahim. Ini memaksa Datuk Seri Anwar yang memegang jawatan Menteri Kewangan (1991 hingga 1998) bertindak menjadi penghalang kepada rancangan untuk menyelamat kroni dan kelas kapitalis berkenaan. Desakan daripada kelas kapitalis yang menghadapi perjuangan hidup mati dalam dunia perniagaan seterusnya menimbulkan konflik terbuka antara Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Dr. Mahathir.

Seterusnya, Far Eastern Economic Review (27/6/1998) menyatakan bahawa perhimpunan Agung UMNO yang berlangsung pada pertengahan Jun 1998, telah digunakan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi Ketua Pemuda UMNO pada masa itu iaitu Datuk Ahmad Zahid Hamidi untuk membangkitkan soal kolusi, kroni dan nepotisme. Penggunaan slogan yang telah berjaya menjatuhkan Suharto di Indonesia itu dilihat oleh Dr. Mahathir sebagai usaha Datuk Seri Anwar untuk mengambil kesempatan menggulingkan beliau ketika negara mengalami krisis. Dr. Mahathir bertindak menangkis dakwaan bahawa beliau mengamalkan kroni dengan mengeluarkan senarai penerima projek-projek

kerajaan yang di dalamnya termasuklah juga Datuk Zahid Hamidi. Tiga hari setelah berlangsung Perhimpunan Agong UMNO, Tun Daim Zainuddin dilantik menjadi Menteri Tugas-tugas Khas yang bertanggungjawab terhadap ekonomi. Perlantikan Tun Daim menandakan episod awal dalam usaha penyingkiran Datuk Seri Anwar dari UMNO yang dilakukan dengan cara yang amat tidak demokratik sehingga mencetuskan protes besar-besaran daripada masyarakat, khususnya kelas menengah dan kelas pekerja Melayu di bandaraya Kuala Lumpur.

### **iii. UMNO *Political Hegemony***

Gomez (1996) menyatakan bahawa, kepada masyarakat Melayu, UMNO memprojeksikan imej bahawa hanya UMNOlah yang boleh melindungi mereka dalam lautan masyarakat bukan Melayu (yang menekankan meritokrasi), dan kepada masyarakat bukan Melayu, UMNO/BN menonjolkan imej hanya mereka sahaja yang boleh menjamin identiti dan kebudayaan masyarakat bukan Melayu dilindungi daripada dihapuskan oleh puak ultra-nasionalis Malayu dan ekstrimis agama (Parti Islam Semalaysia, PAS). Dalam usaha untuk memenangi sokongan terutamanya masyarakat Melayu, UMNO/BN menonjolkan imej bahawa mereka mementingkan soal agama dan dalam masa yang sama tidak melupakan persoalan pembangunan. Aktiviti-aktiviti keagamaan diberi sokongan dan publisiti yang meluas oleh media massa, antaranya ialah seperti sambutan Ma'al Hijrah, Maulidur Rasul dan Majlis Tilawah al-Quran. Di samping kegiatan berbentuk ritual, UMNO membuktikan Islam boleh dilaksanakan dalam aktiviti ekonomi dan pendidikan moden. Perkara ini dilakukan dengan penubuhan Bank Islam, Insuran Islam (Takaful), Tabung Haji dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Kumpulan-kumpulan agama yang dikira menyeleweng seperti al-Arqam dan Syiah diperangi dan dihapuskan. Islam yang mementingkan pembangunan material dan tolerensi sesuai dengan masyarakat Malaysia yang multi-etnik, multi-budaya dan multi-rasial berjaya diterapkan oleh UMNO dan menerima sokongan bukan sahaja daripada masyarakat Melayu bahkan juga masyarakat bukan Melayu di bandar.

Dari sudut lain, UMNO/BN membuktikan bahawa mereka berjaya menguruskan pembangunan ekonomi di negara ini dengan berkesan. Ekonomi negara telah berjaya ditransformasi daripada bergantung kepada pertanian kepada pengeksport dan pengeluar barang perindustrian seperti barang elektronik, kenderaan pengangkutan dan lain-lain keluaran perkilangan. Program penswastaan, liberalisasi ekonomi, kemasukan pelabur asing dan seumpamanya berjaya mengekalkan pertumbuhan ekonomi di tahap yang tinggi (5-7 %) untuk jangka masa yang agak panjang (kecuali pada tahun-tahun 1974-75, 85-86 dan 97-98). Kestabilan, pembangunan dan soal "**ketuanan politik Melayu**" sentiasa ditekankan oleh pemimpin UMNO di samping menghidupkan kembali nilai-nilai feudal seperti kesetiaan tanpa soal kepada pemimpin, tidak mengkritik secara terbuka dan sebagainya. Nilai-nilai feudal itu disuburkan dengan memberi kan ganjaran terhadap kesetiaan dan memberikan gelaran "penderhaka" kepada mereka yang mengkritik kerajaan. UMNO/BN disamakan dengan negara atau kerajaan di mana menentang UMNO/BN dianggap menentang kerajaan (Muhamamad Asri Mohd Ali 1999).

Muhamamad Asri Mohd Ali (1999) menyatakan bahawa, tenaga-tenaga politik yang berupaya menggerakkan massa seperti media, NGO, kesatuan buruh dan kesatuan pelajar diajak berdiri di belakang kerajaan dalam usaha untuk mewujudkan kestabilan. Pemimpin NGO yang lantang mengkritik kerajaan adakalanya diko-optasi oleh UMNO/BN seperti yang dialami oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim pada tahun 1982, pada ketika lain, pengambilalihan ekuiti menerusi proksi dilakukan (seperti dialami oleh institusi media) dan tidak kurang juga menerusi undang-undang yang menyekat kebebasan mereka, misalnya menerusi Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU, 1971 dan 1975).

Harold Crouch (1996) berpendapat bahawa, strategi UMNO/BN seperti dinyatakan di atas berjaya memastikan UMNO/BN sentiasa memperolehi kemenangan besar dalam setiap kali pilihanraya umum diadakan. Kecuali pada tahun 1969, UMNO/BN tidak pernah gagal dalam mempertahan dan

mengekalkan kemenangan melebihi 2/3 majoriti yang dikehendaki untuk membentuk kerajaan di parlimen Malaysia. Kemenangan selesa tersebut menyebabkan UMNO/BN tidak mempedulikan tentang perlunya soal demokratisasi dan pembangunan lain-lain aspek politik.

Sheila Nair (1999) seterusnya menyatakan bahawa dekad 70an dan awal 80an menyaksikan UMNO/BN berusaha mewujudkan suasana yang lebih demokratik khususnya sewaktu Dr. Mahathir baru sahaja menjadi Perdana Menteri. Dalam tempoh tersebut, tahanan-tahanan politik daripada regim sebelumnya dibebaskan. Kuasa raja-raja dikurangkan (dalam krisis perlembagaan pada tahun 1983). Akhbar harian yang memuatkan tulisan yang agak kritikal dibenarkan. NGO yang memperjuangankan soal ekologi, wanita, Islam, hak asasi manusia, isu kepenggunaan dan sebagainya beroperasi tanpa banyak kawalan dan sekatan. Sistem politik pada ketika itu juga menunjukkan keupayaan untuk bertindak balas (*respond*) terhadap permintaan dalam masyarakat misalnya dalam soal Islam dan liberalisasi budaya. Namun begitu, pada pertengahan tahun 1980an, ruang-ruang keterbukaan dan desentralisasi itu tadi telah disempitkan kembali. Berikutan dengan peralihan dalam strategi pembangunan ekonomi yang lebih mementingkan penswastaan (dalam rangka membangunkan kelas kapitalis Melayu) dan mengutamakan kemasukan modal asing, beberapa akta seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan 1986), Akta Hasutan dan Akta Rahsia Rasmi (OSA) telah diperkenalkan untuk mengawal kebebasan akhbar dan penyebaran maklumat.

Dekad 80an juga menyaksikan pemusatan kuasa eksekutif semakin pesat terutama apabila ISA digunakan untuk menangkap lebih kurang 103 orang aktivis masyarakat dan pemimpin pembangkang dalam "Operasi Lalang" pada tahun 1987. Beberapa akhbar harian (seperti The Star) dan akhbar mingguan (Watan) diberhentikan permit pengedarannya. Kebebasan kehakiman dinodai dengan teruk. Ketua Hakim Negara, Tun Mohd Salleh Abas pada ketika itu dipecat menerusi satu tribunal yang agak kontroversi pada tahun 1988.

Semenjak peristiwa tersebut, banyak di antara NGO yang mengambil sikap tidak mengkritik pihak kerajaan dan begitu juga dengan pihak media massa (Muhamamad Asri Mohd Ali 1999).

Khoo Boo Teik (1997) menyatakan bahawa sistem politik yang agak sentralis dan autoritatif membiakkan korupsi dalam regim yang ada. Darjah korupsi di peringkat tinggi menjadi semacam tidak terkawal. Hal ini disahkan sendiri oleh Dr. Mahathir sewaktu berucap di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1996 apabila beliau menyentuh dengan panjang lebar tentang budaya politik wang. Skandal kabinet menteri terlibat dalam pemberian saham kepada ahli keluarga, kerugian berbillion ringgit Perwaja, kerugian Bank Bumiputera Malaysia Berhad dan lain-lain tidak diselesaikan hingga kini. Tidak ada seorang pun yang telah ditangkap bagi setiap kes tersebut dan tidak ada sebarang langkah diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan perkara tersebut tidak berulang di masa hadapan.

Ini merupakan antara kesan yang timbul hasil dari campur tangan kerajaan di dalam pembangunan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, tidak semua bentuk campur tangan kerajaan itu tidak baik. Misalnya Kerajaan telah menyediakan RM 3 billion sebagai modal kepada PNB bagi menubuhkan beberapa Saham Amanah yang berjaya menjadikan 7.28 juta Melayu pemilik saham syarikat-syarikat besar di Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 34.89 bilion. Saham-saham yang diperuntukkan kepada PNB adalah hasil penyusunan semula atau penubuhan syarikat-syarikat baru yang disyaratkan oleh DEB supaya menjual 30 peratus daripada saham mereka kepada bumiputera. Sesungguhnya jika tidak kerana PNB, Saham Amanah dan badan-badan milik Kerajaan yang diurus khas untuk orang Melayu dan Bumiputera, hari ini pencapaian Dasar Ekonomi Baru hanyalah dua peratus sahaja. Sebabnya ialah apabila saham dijual kepada pelabur Melayu, mereka terus menjual balik saham itu kepada bukan bumiputera. Demikian juga dengan lesen, AP dan kontrak yang diberikan kepada mereka (Muhamamad Asri Mohd Ali 1999).

Hanya beberapa orang sahaja daripada peniaga, kontraktor dan pengusaha Melayu yang tidak menjual peluang yang diberikan kepada mereka untuk mendapat keuntungan cepat. Mereka ini tekun berusaha dan ada antara mereka yang berjaya. Melihat bahawa mereka tidak menggagalkan Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan memberi lebih banyak peluang kepada mereka tidak kira siapa mereka, sehingga muncullah beberapa daripada mereka sebagai orang yang berjaya dalam perniagaan. Apabila ini berlaku maka datanglah perasaan hasad dengki dan tuduhan bahawa mereka adalah kroni Kerajaan, kroni pemimpin Kerajaan. Yang menuduh bukan sahaja orang asing dan media mereka tetapi orang Melayu sendiri turut menuduh bahawa DEB menguntungkan hanya beberapa orang kroni Melayu (Muhamamad Asri Mohd Ali 1999).

Sebenarnya orang yang dikatakan kroni ini tidak pun dikenali dahulu oleh pemimpin Kerajaan atau orang ramai. Jika tidak kerana mereka menunjuk bakat dan tidak menjual peluang yang diberikan kepada mereka, tetapi sebaliknya mereka berusaha sehingga mencapai kejayaan, mereka tidak akan mendapat peluang yang bertambah. Jika benarlah Kerajaan mengamal kronisme, sudah tentu tidak akan ada ahli keluarga dan kawan-kawan pemimpin Kerajaan yang miskin dan merana. Tetapi di Malaysia ramai daripada kawan, rakan, anggota parti dan ahli keluarga yang terus miskin, tidak mendapat apa-apa peluang daripada Dasar Ekonomi Baru selain daripada apa yang dinikmati oleh semua rakyat lain, seperti persekolahan, bekalan elektrik dan air, jalan dan lain-lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam ucapannya di Perhimpunan Agung UMNO pada 20 Jun 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

#### **iv. Kewujudan Kronisme Dalam Politik Melayu**

##### **a. Konsep Asas Kronisme**

Kejayaan kerajaan dalam memainkan peranannya untuk menangani masalah kemunduran sosio-ekonomi orang Melayu melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB),

tidak dinafikan telah memacu orang Melayu ke tahap yang memberangsangkan dalam aspek berkenaan. Melalui campur tangan kerajaan dan dengan dasar-dasar yang diperkenalkannya, ianya telah berjaya melahirkan sekelompok korporat atau ahli perniagaan Melayu yang berjaya, "...*although a small number of new Malay businesspeople seemed to have genuine entrepreneurial abilities, virtually all the big Malay tycoons depended heavily on their connections with politicians....*" (Crouch 1996). Malah, mereka mampu pula menandingi golongan korporat asing di Malaysia. Tidak dinafikan juga bahawa ramai di kalangan peniaga Melayu yang berjaya adalah berasal dari keluarga mereka yang sudah lama berkecimpung dalam bidang perniagaan. Kejayaan menghasilkan korporat dan ahli perniagaan Melayu yang berjaya ini telah mewujudkan kelas kapitalis yang memonopoli kekayaan dan kuasa secara beriringan (Jamaie 2000).

Dalam usaha kerajaan untuk menghasilkan golongan peniaga Melayu yang berjaya, kemunculan mereka ini dianggap sebagai produk DEB yang lebih banyak mengundang gejala negatif dalam UMNO. Mereka dari kelas istimewa yang telah mengaut faedah besar dari dasar pelajaran misalnya, iaitu salah satu dasar penting selepas merdeka. Ini mewujudkan suatu lapisan yang merasa terhutang budi dan seterusnya akan menyokong pemerintah (Jomo 1988).

Dengan peranan kerajaan untuk melahirkan kelas kapitalis Melayu, melalui campur tangan kerajaan, maka telah muncul amalan kronisme. Kronisme yang diamalkan ini membuka peluang untuk mengaut kekayaan dan kemewahan dengan seluasnya (Syed Husin 1979). Amalan ini apabila dilakukan secara konsisten maka ianya menjadi budaya dalam UMNO. Gomez tidak merujuk secara langsung mengenai etimologi kroni tetapi dapat diklasifikasikan kroni itu sebagai pilih kasih melalui naungan kerajaan dan naungan politik (Gomez 1990).

Yashihara Kunio (1995) mengatakan bahawa kroni itu adalah peniaga-peniaga sektor swasta yang telah mendapat faedah besar daripada hubungan erat

mereka dengan pemimpin negara. Amalan mengutamakan rakan-rakan secara keterlaluan tanpa menimbang kelayakan mereka juga dikatakan sebagai kroni.

Hussain Mohamed (1999) pula melihat kronisme sebagai kroni-kroni atau sahabat handai yang terlibat dalam dunia korporat, melalui pemberian peruntukan atau peluang pemilikan saham dalam bentuk pelaburan tertentu kepada anggota, anak-beranak, keluarga pemimpin dan tokoh-tokoh politik.

Secara umumnya kroni dapat dikatakan sebagai sikap mengutamakan rakan untuk diberikan kepada mereka faedah yang boleh dimiliki. Kroni secara umum menunjukkan hubungan kenalan menjadi kriteria utama melakukan tindakan pemilihan calon, kenaikan pangkat, kontrak, lesen, tender atau anugerah tertentu. Tindakan ini dikatakan sebagai faktor informal, manakala tindakan yang mengikut prosedur dan tatacara birokrasi digolongkan sebagai faktor normal (Boissevain 1978).

Dalam dimensi politik kroni, pembinaan pakatan atau gabungan berdasarkan kepentingan sangat relevan. Kepentingan tertentu gabungan disatukan antara parti dengan parti atau dengan individu dan kelompok tertentu. Dampak dari perubahan kepentingan, akan terjadi pula perpecahan dalam gabungan. Anggota dari satu gabungan akan menjadi ahli gabungan lain kerana pilihan rasional atau untuk memenuhi kepentingannya. Dalam konteks sub judul ini, kroni merujuk kepada sikap kepimpinan UMNO yang mengamalkan pilih kasih dalam mengagihkan peluang ekonomi kepada rakan terdekat yang kemudiannya amalan kroni itu akan mendatangkan faedah pula kepada pemimpin UMNO berkenaan (Jamaie 2000).

### **b. Sejarah Kronisme Di Malaysia**

Sebelum 1980an, amalan kroni belum dikesan berlaku dalam UMNO. Keadaan ini adalah kerana kerajaan masih berada di tahap percubaan untuk membantu

perekonomian Melayu. Kepimpinan ketika itu tidak meletakkan sasaran penglibatan kerajaan secara aktif dalam membantu peniaga Melayu. Walaupun Tengku Razaleigh Hamzah telah diberi kepercayaan untuk menerajui Fleet Holdings, tetapi beliau dapat memisahkan antara politik dan perniagaan. Beliau telah menggunakan tenaga profesional dan berpengalaman dalam bidang perniagaan untuk menguruskan syarikat milik UMNO itu, di samping dengan campurtangan politik secara minima (Fo'ad 1988).

Sewaktu membeli Bian Chang Bank (kemudian ditukar kepada Bank of Commerce), Tengku Razaleigh telah melantik Junus Sudin sebagai pentadbir perniagaan berkenaan. Ketika itu kepimpinan UMNO masih terpisah dengan dunia perniagaan walaupun dalam UMNO dibenarkan sistem pemegang amanah dijalankan. Sistem pemegang amanah dibenarkan oleh pendaftar syarikat dan dalam konteks UMNO, Majlis Tertinggi UMNO telah menurunkan kuasa pemegang amanah kepada Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha dan Bendahari UMNO (Fo'ad 1988).

Bermula pada awal 1980an, keadaan ini telah berubah apabila aktor yang berada di dalam sistem pemegang amanah turut terlibat dalam bidang perniagaan. Mereka akan menggunakan kesempatan dari kuasa yang ada untuk mengembangkan pengaruh dan dalam masa yang sama mencari peluang perniagaan, "... one hand the transition of politicians or former politicians to business is largely as a result of their own political standing of connections, while that of UMNO's proxy capitalists is due, at least initially to their position as trustees of UMNO's corporate assets..." (Searle 1999). Amalan yang lazimnya berlaku dalam aktiviti perniagaan menular pula ke dalam amalan berpolitik seperti kronisme dan nepotisme yang mementingkan rakan, keluarga dan keuntungan (Atory 1977). Penglibatan secara langsung anggota sistem pemegang amanah ini telah menimbulkan berbagai implikasi politik yang antaranya telah mengundang unsur-unsur pemimpin yang mementingkan perniagaan mereka dan kroninya.

Dalam kes pembelian saham-saham NST oleh Fleet Holdings yang dimiliki oleh Tun Daim dan rakan-rakannya, mereka telah mendapat keuntungan atas angin sebanyak RM26.46 juta. Ini terjadi kerana saham-saham berkenaan pada mulanya hanya bernilai RM1.30 dan RM1.80 seunit, tetapi telah dijual dengan RM3.00 seunit (Fo'ad 1988). Apabila aktor yang berada dalam sistem pemegang amanah di peringkat kepimpinan UMNO turut terlibat dalam bidang perniagaan, wujud pula sistem proksi iaitu dengan melantik kroni untuk mewakili kepentingan tokoh politik tertentu, "...it appears that the other UMNO leaders, through their own business proxies, are developing their own business interest, including separate corporate bases ..." (Gomez 1994).

Walaupun proksi secara hakikatnya bukanlah pemilik dan penguasa sebenar dalam sesebuah perniagaan yang diamanahkan kepadanya, tetapi amalan sedemikian akan cenderung menjurus kepada amalan kroni yang secara sedar mulai tumbuh dalam UMNO (Gomez 1994).

Amalan kroni jelas wujud di era Dr. Mahathir dengan ditunjangi oleh beberapa latar belakang. Beliau memang bercita-cita utnuk membentuk sejumlah jutawan Melayu sebagaimana tersirat melalui kritikan beliau dalam buku Dilema Melayu di mana beliau berkata:

"...Jika segelintir orang Melayu tidak kaya, nescaya orang-orang Melayu yang miskin juga tidak akan menikmati untungnya....peniaga Melayu yang kaya inilah diharapkan akan dapat menyumbangkan modal dan pengetahuan yang boleh didapati di kalangan orang Melayu.. "(Mahathir 1982).

Kesempatan menjadi pemimpin UMNO telah digunakan sebaiknya untuk memenuhi idea beliau (Dr. Mahathir) yang sebelum ini dianggap kontroversi oleh Tunku Abdul Rahman. Dalam tindakan ekonominya, Dr. Mahathir lebih mengutamakan kelas elit yang telah berjaya di dalam perniagaan untuk terus dibantu (Wan Rahman 1998). Dr. Mahathir berpendapat bahawa untuk

memastikan saham orang Melayu berada di tangan orang Melayu, caranya adalah dengan memberikannya kepada orang Melayu yang paling berkebolehan untuk mengendalikannya, iaitu yang dimaksudkan adalah golongan kaya dan dengan demikian, satu kumpulan kapitalis baru mesti dibentuk (Gomez 1990). Di sini, Dasar Penswastaan adalah contoh terbaik untuk melihat bagaimana amalan kroni dilakukan oleh kepimpinan UMNO, "...privatisation, part of Malaysia's liberalisation package, appears to have especially abused for the development and consolidation of politically linked business..." (Gomez dan Jomo 1999).

Pada tahun 1983 misalnya, Fleet Holdings diberikan lesen untuk mengoperasikan TV3 manakala Hatibudi pula telah diberikan tender untuk Projek Lebuhraya Utara Selatan yang bernilai 3.4 billion. Pemberian tender UEM ini kepada Hatibudi telah mengundang kontroversi yang dibangkitkan oleh Lim Kit Siang kerana telah memberikan keuntungan kepada kroni pemimpin UMNO (Crouch 1996).

Masalah kroni semakin menjadi budaya dalam UMNO apabila kemasukan Tun Daim ke dalam kepimpinan UMNO. Beliau merupakan jutawan yang dibawa masuk oleh Dr. Mahathir ke dalam pimpinan UMNO dan perkembangan seterusnya memperlihatkan beliau menggunakan pula kesempatan atas kedudukannya untuk memanipulasi kepentingan perniagaannya. Tun Daim dianggap mempunyai hubungan paling baik dengan Dr. Mahathir yang turut membantu kepada berlakunya campur tangan kerajaan dalam melahirkan sejumlah besar kapitalis Melayu (Yoshihara 1995). Kenaikan beliau yang mendadak dalam politik dan korporat berlaku hasil hubungan yang rapat dengan Dr. Mahathir (Gomez 1990). Tidak dapat dinafikan bahawa Tun Daim telah melahirkan beberapa jutawan Melayu yang berkebolehan yang akan menjadi pemangkin kepada lahirnya lebih ramai orang Melayu dalam dunia perniagaan. Jika dahulu orang Melayu jauh ketinggalan dalam bidang perniagaan tetapi di era Dr. Mahathir, dengan dibantu oleh Tun Daim, peluang yang ada telah

diberikan kepada orang Melayu melalui bantuan kerajaan, "... while Mahathir's desire for bumiputera capitalist development may have inspired this trend, Daim has shown the way ... has become a corporate player of some repute before his ministerial appointment, and many conglomeratisation exercises in the 1989s, especially those involving UMNO assets, seem to bear his mark ..." (Gomez 1991).

Bagi ahli perniagaan yang ingin menggunakan kesempatan hubungan dengan elit politik, ianya akan membolehkan mereka berpeluang untuk mendapatkan keuntungan dari segi ekonomi dengan dilantik sebagai proksi atau pemegang amanah. Di sisi lain, kesempatan tersebut dianggap sangat penting kerana "...influential business élit were also exerting pressure on the political leadership for greater business opportunities..." (Searle 1999). Meskipun mereka tidak berkuasa penuh tetapi hubungan dengan elit politik yang dijalin akan menjadikan mereka lebih rapat dengan elit berkenaan. Elit ekonomi atau kapitalis yang berusaha mewujudkan hubungan dengan kerajaan untuk kepentingan perniagaan boleh dipanggil pengaut sewa (*rent seekers*) kerana mereka pada hakikatnya mencari peluang untuk menjadi penerima sewa yang diberikan kerajaan melalui penjualan sumbernya, tawaran perlindungan, pengeluaran kebenaran bagi aktiviti jenis tertentu yang dikawalnya (Yoshihara 1995). Hubungan sedemikian akan dijadikan batu loncatan untuk mendapatkan peluang-peluang perniagaan yang lumayan, "... most of whom believed that links with UMNO leaders were essential for business success ..." (Crouch 1996). Misalnya Junus Sudin dan Mohd. Desa Pachi yang menjadi proksi dalam Fleet Holdings, mereka juga kemudiannya menjadi pengarah dalam syarikat awam yang lain (Gomez 1990). Begitu juga dengan Halim Saad dari Hatibudi, Azman Hashim dan Ibrahim Mohamed yang turut menjadi pengarah kepada syarikat awam tersenarai. Dalam kes pemberian saham UEM kepada Hatibudi, yang menjadi isunya ialah kerana Tun Daim telah memberikan tender tersebut kepada kroninya iaitu Halim Saad yang pernah dididiknya sewaktu di Paremba dahulu. Selain Halim Saad, "Wan Azmi Wan Hamzah, Razali Rahman and numbers of

*his close associates have figured prominently ...apart from the fact that all these men had worked with Daim in Paremba..."*(Gomez dan Jomo 1999).

Sekiranya hendak dikaji, banyak lagi kes-kes amalan kroni di dalam pemberian saham, tender dan keuntungan ekonomi lain oleh UMNO. Untuk analissi ini, memadai dengan mengambil beberapa kes yang relevan yang mewakili tahun 1980an hingga pertengahan 1990an. Pada penghujung tahun 1990an, amalan kroni ini tidak dapat lagi disembunyikan oleh UMNO bahawa mereka memang pengamal yang konsisten. Isu kroni ini menjadi tumpuan kerana ianya ada kaitan dengan kejatuhan Soeharto pada Mei 1998 yang dikaitkan dengan amalan kronisme, korupsi dan nepotisme (KKN). Pada era Soekarno, kronisme belum tumbuh, tetapi ianya subur ketika Soeharto. Selama 32 tahun pemerintahannya, Soeharto didakwa telah menolong memperkayakan sahabat handainya dengan menggunakan harta dan kekayaan negara (Samad Ismail 1998).

Angin kronisme dan reformasi di Indonesia telah melanda negara ini. Isu kroni ini telah dibangkitkan oleh Datuk Zahid Hamidi dalam Perhimpunan Agong UMNO pada tahun 1998. Beliau mengatakan kronisme wujud dalam UMNO apabila agihan kekayaan diberikan di kalangan rakan-taulan dan saudara mara (MASSA 1998). Datuk Zahid dianggap berani kerana mengkritik kepimpinan UMNO, tetapi media yang berkepentingan menganggapnya sebagai "Pak Turut dan bebal", yang dianggap oleh Dr. Mahathir dan kroninya sebagai serangan terhadap usaha-usaha untuk menjatuhkannya (Syed Husin 1998), sedangkan pada masa yang sama, Datuk Zahid sendiri turut mendapat faedah dari kedudukannya kerana "... he is also the Deputy Chairman of Kretam Hodings, which is controlled by UMNO youth ..." (Gomez dan Jomo 1999).

Akibatnya, Dr. Mahathir telah mengeluarkan senarai penerima saham, tender, lesen dan sebagainya yang dianggap lengkap melalui akhbar-akhbar arus perdana. Senarai yang panjang untuk tempoh 1993-1997 yang memuatkan sebanyak 285 projek yang dikategorikan kepada dua kumpulan, iaitu 171

mendapat kelulusan penuh dan 114 mendapat kelulusan prinsip (MASSA 1998). Pada dasarnya, kerajaan kononnya bersikap telus dengan mengumumkan senarai mereka yang mendapat projek penswastaan tetapi senarai itu sebenarnya tidak lengkap dan masih terdapat maklumat yang disembunyikan. Pendedahan senarai itu jika membawa kepada pendedahan lebih banyak maklumat akan merupakan langkah yang baik (Jomo 1998). Salah satu sebab Pemuda dan kepimpinan UMNO gagal menyelesaikan isu kronisme ialah kerana kebanyakan dari mereka turut berkepentingan (Jomo 1998).

Amalan kroni dalam UMNO semakin terserlah apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat dari jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 22 September 1998 manakala jawatan Timbalan Presiden UMNO pada 3 September 1998. Datuk Seri Anwar mendakwa Dr. Mahathir mengamalkan sikap kroni dan nepotisme dalam mengagihkan kekayaan negara dengan menguasai berpuluhan syarikat sebagai pemilik atau pengarah (Syed Husin 1999). Dalam menyenaraikan penerima saham pada bulan Jun 1998, nama-nama seperti Nazri Abdullah, Kadir Jasin, Khalid Ahmad dan Mohd. Nor Mutalib tidak dimasukkan sedangkan mereka adalah kroni Dr. Mahathir dan beliau turut mempunyai kepentingan dalam MRCB, Real Mild dan Konsortium Perkapalan. Sebelum MRCB diserahkan kepada keempat-empat tokoh korporat berkenaan, "...on MRCB's board of directors during this reverse takeover was Wan Azmi Wan Hamzah (as Chairman) and Mirzan Mahathir..." (Gomez 1994). Amalan ini terserlah ketika negara dilanda gawat politik dan ekonomi. Dr. Mahathir telah menggunakan wang Petronas untuk menyelamatkan Konsortium Perkapalan milik anaknya sebanyak RM2 bilion, "...one of these corporations which had accumulated huge debts was Konsortium Perkapalan, a shipping firm associated with Mirzan, the Prime Minister; son." (Chandra 1998).

Dr. Mahathir juga didakwa menggunakan Dana Harta dan Dana Modal untuk menyelamatkan Tajudin Ramli yang hampir muflis kerana Malaysian Airline System menanggung hutang bank yang banyak. Melalui dana tersebut, beliau

turut menyelamatkan Halim Saad, tuan punya Renong yang hampir muflis. Selain dua jutawan ini diselamatkan, yang dianggap kroni Mahathir, "...the prominent new capitalist linked to UMNO leaders include Wan Azmi Wan Hamzah, Samsudin Abu Hasan, Ahmad Sebi Abu Bakar.." (Gomez dan Jomo 1999). Melalui amalan kronisme ini, tidak kurang dari 50 keluarga telah menjadi kaya raya (Syed Husin).

Dr. Mahathir tidak pula berdiam diri dengan dakwaan Datuk Seri Anwar tersebut dan seterusnya mengatakan bahawa kerajaan akan terus mengamalkan dasar kronisme dalam usaha membantu orang Melayu yang terjejas kesan daripada kegawatan ekonomi walaupun tindakan tersebut tidak disenangi oleh banyak pihak (Utusan Malaysia 1999). Apabila melihat senarai yang dipaparkan kepada umum, ianya turut menjelaskan bahawa kroni Datuk Seri Anwar juga mendapat faedah yang sama daripada agihankekayaan negara. Nama-nama seperti Kamaruddin Jaafar, Kamarudin Mohd. Nor, Rustam Sani, Rahim Gause, Zahid Hamidi, Ruslan Kassim, Afifuddin Omar dan Ibrahim Saad adalah di antara yang mendapat bahagiannya. Pada Perhimpunan Agung UMNO 1999, yang boleh dianggap "sampah" itu telah dijadikan medan "agenda membelasah" Datuk Seri Anwar habis-habisan dari semua sudut. Bermula dari ucapan Presiden hingga kepada pantun seloka, perwakilan turut menghukum psikologi Datuk Seri Anwar tanpa henti. Segala keburukan Datuk Seri Anwar didedahkan satu persatu di perhimpunan tersebut kecuali kes rasuah yang sedang dibicarakan di mahkamah (Jamaie 2000).

Dalam melihat kes Datuk Seri Anwar dengan Dr. Mahathir, kedua-duanya cuba mempertahankan status quo terhadap amalan kronisme masing-masing. Apa yang menarik ialah dakwaan pihak luar dari UMNO yang selama ini mengatakan UMNO mengamalkan kronisme dalam pengagihan kekayaan negara sentiasa ditolak oleh kepimpinan UMNO. Namun, hakikat yang sukar dinafikan lagi apabila bekas Timbalan Presiden UMNO sendiri telah mendedahkan keadaan yang sebenarnya maka ia dapat dipercayai kebenarannya. Kebenaran itu bukan

semata wujudnya kronisme tetapi anak-anak Dr. Mahathir seperti Mokhzani, Mirzan dan Mukhriz turut membuktikan adanya amalan nepotisme dalam UMNO (MASSA 1998).

Jika amalan kronisme tidak dibendung, ianya akan mewujudkan jurang kelas sosial yang ketara dalam masyarakat. Amalan sedemikian akan mewujudkan taraf hidup beberapa kerat jutawan yang telah meningkat, sedangkan kemunculan sebilangan mereka tidak dapat menyelesaikan masalah besar seperti kemiskinan yang menjadi harapan orang Melayu. Jika terjadinya hal sedemikian, maka matlamat penyusunan semula masyarakat belum berhasil dilaksanakan. Situasi ini nampaknya bertepatan dengan ramalan Thillainathan bahawa, walaupun 30 persen kekayaan sektor syarikat akan dimiliki oleh orang Melayu menjelang tahun 1990an, tetapi kebanyakan kekayaan tersebut tertumpu di tangan segelintir elit Melayu sahaja (Jomo 1988).